

**KAJIAN MENGENAI KESAN PASCA PANDEMIK TERHADAP AKTIVITI
PELANCONGAN DI TASIK KENYIR, TERENGGANU**

FYP FTKW

SHARUL HAMIZAN BIN RANI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI KESAN PASCA PANDEMIK TERHADAP AKTIVITI
PELANCONGAN DI TASIK KENYIR, TERENGGANU**

OLEH:

SHARUL HAMIZAN BIN RANI

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Utuk Memenuhi Syarat Kelayakan Bagi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari
tarikh _____ hingga

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



990606115597

Tarikh: 22/2/2023

Tandatangan Penyalia Utama

DR. AINUL WAHIDA BINTI
RADZUAN

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer

Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

25 FEB 2023

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya, akhirnya saya berkesempatan untuk menyiapkan tugas projek penyelidikan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dengan baik dan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan yang merupakan selaku penyelia projek penyelidikan, di atas kesabaran, nasihat dan bimbingan serta mencurahkan idea kepada saya ketika melaksanakan kajian ini. Tanpa bimbingan dan nasihat yang diberikan oleh beliau mungkin saya tidak mampu menyiapkan tugas ini dengan baik. Oleh itu, saya amat menghargai segala tunjuk ajar yang telah diberikan dan semoga Allah SWT melimpahkan rezeki yang luas dan kesihatan yang baik kepada beliau.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya iaitu ibu dan adik beradik saya kerana telah membantu saya dengan memberi pelbagai nasihat agar tidak mudah berputus asa ketika saya melaksanakan kajian ini. Mereka juga menyediakan pelbagai kemudahan kepada saya dari segi kewangan dan sokongan moral untuk saya menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, tidak lupa juga kepada kawan-kawan dan responden yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa melaksanakan tugas ini. Alhamdulillah, sedikit sebanyak kerjasama mereka telah membantu saya mengumpulkan data dan maklumat dalam menghasilkan projek penyelidikan ini.

KESAN PASCA PANDEMIK TERHADAP AKTIVITI PELANCONGAN DI TASIK KENYIR TERENGGANU

ABSTRAK

Tasik Kenyir adalah tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara, dan ia dibina kerana pembinaan Stesen Janakuasa Sultan Mahmud. Semasa pandemik, aktiviti pelancongan Tasik Kenyir terjejas dan tidak dapat dijalankan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghalang orang lain untuk berkunjung. Ia menghentikan semua aktiviti ekonomi dan akhirnya menjejaskan masyarakat tempatan dan pengusaha pelancongan. Justeru, kajian ini meneroka bagaimana aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir, Terengganu pulih semasa pasca wabak. Kajian ini mengandungi tiga objektif utama: mengenal pasti aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir, mengkaji kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir, dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual sepuluh orang responden yang terdiri daripada Ketua Kampung, kakitangan KETENGAH, penduduk kampung, penjual dan pengunjung. Kaedah analisis tematik digunakan dalam kajian ini kerana ia bertujuan untuk mencari corak dan tema. Kajian ini telah berjaya mengeluarkan beberapa tema utama daripada kajian yang dijalankan iaitu kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan seperti aktiviti pelancongan utama di Tasik Kenyir, peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir dan mekanisme yang relevan dalam mengekalkan Tasik Kenyir. Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat memberi ilmu dan manfaat kepada generasi akan datang khususnya mereka yang berminat untuk mendalami Tasik Kenyir.

Kata Kunci: Tasik Kenyir, Pasca-Pandemik, Covid 19, Perintah Kawalan Pergerakan

POST-PANDEMIC EFFECTS ON TOURISM ACTIVITIES IN TASIK KENYIR TERENGGANU

ABSTRACT

Tasik Kenyir is the largest man-made lake in Southeast Asia, and it was built due to the construction of the Sultan Mahmud Power Station. During the pandemic, Tasik Kenyir's tourism activities suffered and could not be run due to the Movement Control Order (MCO) that prevented others from visiting. It halted all economic activities and eventually affected the local community and the tour operator. Hence, this study explores how the tourism activities in Tasik Kenyir, Terengganu recovered during the post-pandemic. This study contains three main objectives: to identify tourism activities in Tasik Kenyir, to examine the impact of the pandemic on tourism activities in Tasik Kenyir, and to analyse the roles of stakeholders in dealing with the impact of the pandemic in Tasik Kenyir. This study used a qualitative method by interviewing ten respondents consisting of the head of the village, personnel of KETENGAH, village residents, sellers and visitors. The thematic analysis method was used in this study because it aims to find patterns and themes. This study has succeeded in extracting several main themes from the research conducted, namely the impact of the pandemic on tourism activities such as the main tourism activities in Tasik Kenyir, the role of stakeholders in dealing with the effects of the pandemic in Tasik Kenyir and the relevant mechanisms in sustaining Tasik Kenyir. In conclusion, this study is expected to provide knowledge and benefits to future generations, especially those interested in studying Tasik Kenyir.

Keywords: Lake Kenyir, Post-Pandemic, Covid 19, Movement Control Order

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Tasik Kenyir	4
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Lokasi Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Struktur Projek Penyelidikan	10
BAB DUA: KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Definisi Pelancongan	13
2.2 Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pelancongan	14
2.3 Risiko Pandemik Covid-19 Terhadap Pelancongan	15
2.4 Kesan Wabak Penyakit Berjangkit	17
2.5 Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Masyarakat	18
a. Sosial	18
b. Ekonomi	19
2.6 Kaedah Pemulihan Industri Pelancongan Pasca Pandemik Covid-19	20
2.7 Aplikasi Teori	21
2.7 Penutup	22
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pendahuluan	23
3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Kualitatif	23

3.2 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.2.1 Data Primer	24
i) Temu Bual	25
ii) Pemerhatian	27
3.2.2 Data Skunder	28
a) Kajian Kepustakaan	28
b) Sumber Internet	28
3.3 Pensampelan Kajian	29
3.4 Kaedah Analisis	30
3.4.1 Analisis Tematik	31
3.5 Alatan Bantuan Yang Digunakan Merakam	34
a) Telefon Pintar	34
b) Buku Catatan	34
3.6 Limitasi Kajian	35
3.7 Rumusan	35

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan	36
4.1 Kesan Pandemik Terhadap Aktiviti Pelancongan	37
a. Pengoperasian dan Aktiviti Pelancongan Terhenti	37
b. Pendapatan Pusat Pelancongan Terjejas	38
c. Penurunan Permintaan Terhadap Aktiviti Pelancongan	39
4.2 Aktiviti Pelancongan Utama yang Terdapat di Tasik Kenyir	40
a. Aktiviti Yang Ditawarkan	41
b. Tujuan Kedatangan Pelancong	46
c. Tempahan Aktiviti Pelancongan	47
i) Secara Dalam Talian	47
ii) Secara Fizikal (<i>walk in</i>)	48
d. Waktu Saranan Aktiviti Pelancongan	49
e. Keselamatan Pelancongan Di Tasik Kenyir	50
4.3 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Menangani Kesan Pandemik Di Tasik Kenyir	51

4.3.1 Peranan Pihak Berkepentingan Mengurus Tasik Kenyir Sewaktu Pasca Pandemik	52
4.3.2 Usaha yang dilakukan Bagi Pihak Berkepentingan Membantu Pengusaha yang Terjejas ⁴	54
4.4 Langkah yang Relevan dalam Memajukan Tasik Kenyir	56
4.5 Kesimpulan	58
BAB LIMA: RUMUSAN KAJIAN	
5.0 Pengenalan	59
5.1 Rumusan	59
5.2 Dapatan Utama	61
5.3 Cadangan Kajian	62
RUJUKAN	63

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah

Rajah 1.1: Peta Lokasi Tasik Kenyir	8
Rajah 3.1: Proses Menemu Bual Responden	26
Rajah 3.2: Proses Analisis Tematik	31
Rajah 3.3: Transkrip Temu Bual Bersama Responden	32
Rajah 3.4: Menyusun Tema	33
Rajah 4.1: Aktiviti Pelancongan Yang Ditawarkan	41
Rajah 4.2: Suasana Di Santuari Kelah	43
Rajah 4.3: Jenis-jenis <i>Houseboat</i>	45
Rajah 4.4: Barbeku Bersama Keluarga Di Atas <i>Houseboat</i>	46

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 3.1: Responden Kajian	30



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI SINGKATAN

SOP	STANDARD OPERATING PROCEDURE
KKM	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PKP	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PPN	PELAN PEMULIHAN NEGARA
WHO	PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA
KETENGAH	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH
APM	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
KPDNK	KELUARAN DALAM NEGARA KASAR
JBPM	JABARAN BOMBA DAN PENYELAMAT
SARS	SINDROM PERNAFASAN AKUT TERUK

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Industri pelancongan memberi maksud pergerakan sementara dalam jangka masa pendek yang dilakukan oleh individu ke sesuatu tempat dari tempat mereka tinggal (Burkat & Medlik, 1974). Badaruddin (2005) menyatakan bahawa pelancongan domestik bermaksud sebagai individu yang pergi ke destinasi dalam negara yang berjarak lebih dari 40 Kilometer dari tempat di mana mereka tinggal. Melalui aktiviti pelancongan ini individu dapat mengisi masa lapang dan terluang. Contohnya, seseorang individu melancong ke destinasi yang diingini dapat menghilangkan tekanan dan menenangkan fikiran setelah kesibukan bekerja sehingga mengganggu emosi dan mental seseorang.

Selain itu, pelancongan merupakan satu bidang pelaburan yang dapat meningkatkan pembangunan negara. Terdapat empat elemen utama yang diberi penekanan berkaitan dengan pelancongan iaitu pelancong, perniagaan, kerajaan dan tuan rumah. Menurut Hausman (2011) pelancongan adalah salah satu industri penting dunia yang boleh memberi perubahan kepada fizikal, budaya dan juga ekonomi sesebuah negara, negeri dan juga tempat pelancongan itu sendiri. Industri pelancongan juga dapat meningkatkan tahap ekonomi negara dan memberi manfaat dalam meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Sebagai contoh, aktiviti perniagaan yang membekalkan bekalan makanan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti kereta sewa dan hotel dapat dijalankan mengikut permintaan pelancong.

Ekopelancongan sangat berpotensi untuk dimajukan dalam perkembangan industri pelancongan dunia. Ceballos-Lascurain (1996) menyatakan bahawa ekopelancongan merupakan perjalanan atau lawatan ke destinasi yang berkait rapat dengan alam semula jadi dan bertujuan untuk menggalakkan penjagaan alam sekitar. Malaysia merupakan sebuah negara destinasi pilihan pelancongan untuk dilawati kerana dikenali sebagai sebuah negara beriklim berkatulistiwa dan kaya akan alam semula jadi yang menarik. Malaysia juga mempunyai pelbagai flora dan fauna yang menarik. Selain itu, terdapat pelbagai lokasi pelancongan yang menarik buat pencinta alam seperti keindahan air terjun, pantai dan pulau yang mengalu-alukan kehadiran pelancong.

Pada tahun 2020, seluruh dunia diancam dengan wabak covid-19 yang bermula dari sebuah daerah di China iaitu Wuhan dan telah merebak hampir ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Di Malaysia, kemasukan warga pelancong negara China dan masyarakat yang merupakan kontak rapat dengan rakyat China menjadi punca penyebaran covid-19 pada 25 Januari 2020. Berdasarkan statistik pandemik covid-19 di Malaysia sehingga 14 Mac 2022, lebih 308942 kes jangkitan wabak penyakit covid-19 telah direkodkan dengan 33899 kematian di Malaysia. Di Malaysia terdapat 646,411 kes jangkitan dengan 3768 kematian (KKM 2021). Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 disebabkan oleh jumlah kes covid-19 meningkat secara mendadak pada Mac 2020 (Junhairi Alyasa,2020)

Semasa PKP dilaksanakan, masyarakat perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) di mana rakyat perlu mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter radius pada setiap masa. Selain itu, mereka perlu memakai penutup

muka dengan betul mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan menggunakan air bersih atau pensanitasi tangan *hand sanitizer*. Selain itu, aplikasi My Sejahtera juga wajib digunakan sebelum memasuki premis dengan cara mengimbas kod QR. Pandemik ini telah menyebabkan semua negara mengalami kejutan yang drastik dari segi ekonomi, kesihatan dan gaya hidup termasuk Malaysia. Pasca-pandemik ini juga telah menimbulkan nilai kesedaran terhadap keselamatan dan kestabilan negara dalam diri masyarakat di mana ancaman penyakit boleh datang tanpa amaran. Oleh itu, serangan pandemik covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesedaran terhadap semua pihak agar sentiasa bersedia menghadapi anasir yang tidak dijangka.

Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 juga terpaksa dibatalkan serta merta. Hal ini kerana berlakunya sekatan ke atas sempadan negara dan perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi mengurangkan penularan pandemik covid-19 ini menjadi lebih serius lagi. Hasil pelancongan tahun 2020 susut sebanyak 71.2 peratus akibat pandemik (Noor Atiqah Sulaiman, Berita harian, 13 Sep 2021).

Tasik Kenyir adalah sebuah tempat pelancongan yang terkesan akibat pandemik covid-19 ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak PKP dilaksanakan, industri pelancongan kurang mendapat permintaan disebabkan berlakunya sekatan perjalanan. Aktiviti pelancongan yang ditawarkan di Tasik Kenyir turut terkena tempas disebabkan oleh pandemik covid-19. Sebagai contoh aktiviti rumah bot yang mengalami kurangan permintaan sehingga menyebabkan pengusaha bot mengalami kemurungan dan gelisah memikirkan akan nasib mereka (Salina Jalil, 2021).

1.1 Latar Belakang Tasik Kenyir

Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara di mana ia terbentuk disebabkan pembinaan Stesen Janakuasa Sultan Mahmud atau lebih dikenali sebagai empangan enyir pada pertengahan tahun 1980an. Tasik Kenyir merupakan identiti kepada daerah Hulu Terengganu kerana ia menyimpan pelbagai sejarah tamadun awal di negeri Terengganu seperti penemuan arkeologi penting di beberapa buah gua seperti penemuan alat batu dan kapak di Gua Bewa yang menjadi bukti kepada tamadun Neolitik. Kewujudan Tasik Kenyir juga menjadi saksi kepada tenggelamnya beberapa buah kampung tradisional Melayu. Ketika ini, empangan Kenyir masih mengekalkan nama sebagai empangan terbesar di Semenanjung Malaysia. Manakala Tasik Kenyir pula adalah tasik paling luas dengan isipadu terbesar di negara ini (Tajuddin et al., 2019).

Tasik Kenyir dibina oleh manusia dan siap sepenuhnya pada tahun 1988. Kewujudan empangan Tasik Kenyir ini telah membuka mata penduduk dari dalam negeri mahupun luar negeri akan adanya kawasan perkampungan yang bernama Tasik kenyir. Pembinaan tasik terbesar ini menenggelamkan beberapa buah kampung dan juga hutan. Tasik Kenyir ialah tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara, terletak di negeri Terengganu di pantai timur Semenanjung Malaysia. Tasik Kenyir adalah kawasan tadahan sekitar 260,000 hektar, ia direka terutamanya untuk penjanaan kuasa hidroelektrik dan tujuan pengawalan banjir. Sungai Terenggan, Petang, Lasir, Pertang, Lepar, Genung, Lawit, Ketiar dan Cacing merupakan sungai utama yang mengalir ke Tasik Kenyir. Tasik Kenyir telah berjaya dibangunkan untuk aktiviti eko-pelancongan yang juga dikelilingi dengan hutan tropika. (Hidayah Mohammad, 2019)

Selain itu, Tasik Kenyir juga telah menaikkan nama Hulu Terengganu agar dikenali masyarakat. Hulu Terengganu merupakan daerah yang agak terpencil dari negeri Terengganu kerana berjauhan dengan bandar utama yang memakan masa perjalanan selama 30-45 minit. Selain Tasik Kenyir itu, Hulu Terengganu juga dikenali sebagai daerah yang pertama menerima kedatangan islam di Terengganu kerana Batu Bersurat yang dijumpai di Kampung Buluh menunjukkan tempat terawal terima islam yang bertapak di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Kuala Berang merupakan pekan utama yang dijadikan penduduk sekitar sebagai tempat berlakunya aktiviti perniagaan, perubatan dan sebagainya. Kuala Berang juga berjaya menarik kedatangan pelancong melalui penjualan jagung manisnya. Kehadiran pelancong ke daerah ini telah menjadikan Kuala Berang menjadi pusat pentadbiran utama yang dahulunya diketahui sebagai 'bandar mati'. Pelbagai kemudahan giat dilaksanakan bagi memperkenalkan Tasik Kenyir ke peringkat yang lebih tinggi (Ridzuan, 2015).

1.2 Permasalahan Kajian

Pandemik Covid-19 yang telah menimpa Malaysia telah memberi kesan yang buruk besar terhadap sektor ekonomi di Malaysia seperti sektor hiburan, perhotelan dan pelancongan di mana kesemua sektor ini tidak dapat menjalankan operasi seperti biasa.

Hal ini juga telah menyebabkan kesan buruk terhadap sektor pelancongan di Tasik Kenyir yang merupakan destinasi pelancongan yang menjadi tarikan utama pelancong terutama bagi pencinta alam semula jadi dan kaki pancing ke Hulu Terengganu. Selain itu, perkhidmatan rumah bot di Pengkalan Gawi juga merupakan pilihan utama pelancong ke Tasik Kenyir. Namun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah melahirkan rasa bimbang bagi pengusaha rumah bot dan

masyarakat di sekitar kawasan berdekatan Tasik kenyir yang memikirkan nasib mereka untuk mencari rezeki untuk menyara keluarga. Dalam pada itu, penutupan semua sektor ekonomi sejak 18 Mac 2020 memberi impak besar kepada pendapatan rakyat (Hazwan Faisal, 2020)

Setelah kerajaan mengumumkan perintah kawalan pemulihan, keadaan ini telah memberi ruang kepada pengusaha rumah bot untuk menjalankan aktiviti perdagangan mereka seperti biasa. Hal ini dapat menjadikan suasana Tasik Kenyir yang dulu sepi kini kembali meriah dengan kehadiran orang dan pelancong luar yang datang ke Tasik kenyir. Menurut portal rasmi Kerajaan Terengganu (2021) Industri pelancongan dalam negeri ini sedang giat dihidupkan kembali menerusi beberapa strategi seperti mengalakkan orang ramai untuk mengambil suntikan vaksin dan mengguna pakai teknologi digital. Selain itu, kebanyakan pengusaha pelancongan di pulau peranginan dan Tasik Kenyir perlu membuat persediaan lebih rapi di premis masing-masing dengan mengambil kira pelbagai aspek *Standard Operating Procedure* (SOP) (Arifin Deraman,2020)

Oleh itu, Kajian ini dijalankan bagi mengkaji mengenai kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang menjadi keperluan utama untuk dimajukan supaya dapat menambah pendapatan penduduk sekitar dan ekonomi negeri Terengganu.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian dalam kajian ini iaitu:


- a) Apakah aktiviti-aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik kenyir, Terengganu?
- b) Apakah kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, Terengganu?
- c) Apakah peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir, Terengganu?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti aktiviti-aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, Terengganu.
- b) Mengkaji kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, Terengganu.
- c) Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir, Terengganu.

1.5 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Peta Lokasi Tasik Kenyir

Sumber: Google Maps

Kajian ini dijalankan di Tasik Kenyir iaitu di daerah Hulu Terengganu, Terengganu (Rajah 1.1). Daerah Hulu Terengganu merupakan salah satu daripada lapan daerah yang terdapat di negeri Terengganu. Tasik Kenyir ini terletak di mukim Kuala Berang yang merupakan ibu daerah bagi kawasan Hulu Terengganu. Kuala Berang ini sangat terkenal dengan perniagaan hasil pertanian iaitu jagung dan beberapa jenis kedai makan ikan baung tempoyak. Selain itu, jarak antara Kuala Berang ke Tasik Kenyir adalah 25 kilometer yang mengambil masa 40 minit perjalanan.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah temu bual dengan sebanyak 10 orang responden telah ditemu bual.

Kajian ini juga berfokuskan kepada komuniti, kawasan, dan pihak berwajib yang tinggal berhampiran Tasik Kenyir yang telah hilang punca pendapatan kesan dari pandemik covid-19 yang telah menimpa negara kita.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan amatlah penting dalam memastikan bahawa setiap kajian yang dibuat dapat memberikan sumber maklumat yang tepat dan bermanfaat. Kajian ini juga dapat menerangkan bagaimana pihak berwajib memainkan peranan penting kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, Terengganu.

a) Individu

Kepentingan kajian terhadap individu adalah dapat kita ketahui dan fahami bahawa pasca pademik ini telah memberi nafas baru terhadap sektor pelancongan yang terdapat di tasik kenyir. Terutama para Peniaga yang berada di sekitar tasik kenyir telah dibenarkan berniaga seperti biasa. Selain itu peniaga sekitar boleh mempromosikan barangan untuk menarik lebih ramai pelancong mengunjungi gerai jualan.

b) Masyarakat

Kepentingan kajian ini adalah kepada masyarakat sekitar Tasik kenyir ini ialah walaupun pandemik ini memberikan kesan yang drastik kepada penduduk namun ia mampu dan berpotensi di bangunkan semula sebagai produk pelancongan. Ia mampu memberi faedah kepada masyarakat setempat di Tasik Kenyir. Dengan penghasilan dokumentasi dan pendedahan dari pengkaji,

diharap mampu membantu masyarakat meningkatkan lagi sosio-ekonomi Tasik Kenyir.

c) Kerajaan

Memberi kesedaran kepada kerajaan akan potensi mempromosikan Tasik Kenyir sebagai produk perlancongan kerana ia mampu memberikan banyak faedah kepada kerajaan negeri sekiranya diambil inisiatif untuk memajukannya. Selain itu, kajian ini turut menyimpan pelbagai aktiviti yang menarik dan mampu diperkembangkan lagi supaya dapat menambahkan pendapatan dan peningkatan ekonomi negeri Terengganu. Ia juga mampu memberikan kesedaran dan ilmu kepada penduduk pihak berwajib khususnya Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) itu sendiri.

1.8 Struktur Projek Penyelidikan

Projek penyelidikan ini terbahagi kepada lima bab keseluruhannya. Pada bab pertama pengkaji menceritakan mengenai pengenalan kajian. Bab kedua pula menunjukkan beberapa sorotan kajian lepas. Sorotan kajian lepas disusun mengikut susunan tema mengenai kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan. Selain itu, pada bab kedua ini juga pengkaji menerangkan yang teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Fungsionalisme. Bab ketiga membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam mencari maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan proses menemu bual seramai 10 orang responden yang terdiri daripada Ketua Kampung, pekerja KETENGAH, peniaga, penduduk dan pegungjung.

Seterusnya, bab keempat iaitu hasil dapatan kajian yang dilakukan Dalam bab ini menjelaskan tentang hasil dapatan kajian yang diproses datanya setelah selesai menjalankan kerja lapangan. Data yang diperolehi adalah menjawab ketiga-tiga objektif kajian ini. Melalui data hasil temu bual juga terdapat beberapa pencahan sub tema yang baharu setelah proses transkrip dilakukan. Akhir sekali adalah bab kelima yang membincangkan rumusan kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan, dapatan utama kesan pandemik dan cadangan kajian iaitu mengenai peranan pihak berkepentingan dalam memajukan lagi Tasik Kenyir pada masa akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai definisi pelancongan dan pengaruh pelancongan terhadap pembukaan bandar baru. Seterusnya, bab ini menguraikan mengenai kesan pandemik Covid19 terhadap pelancongan yang membawa kepada penutupan pintu sempadan negara, dan pekerja-pekerja yang bekerja di dalam industri pelancongan hilang punca pendapatan. Selain itu, bab ini menerangkan persepsi risiko pandemik Covid-19 terhadap pelancongan iaitu aktiviti pelancongan sentiasa terdedah dengan risiko bahaya atau persekitaran yang dinamik dan bencana alam yang pernah berlaku di Malaysia. Penkaji juga menerangkan kesan wabak penyakit berjangkit iaitu menerangkan fenomena penyakit berjangkit yang membahayakan. Bab ini juga menerangkan cabaran penyakit berjangkit dari segi sosial dan ekonomi dan seterusnya, pengkaji turut menerangkan mengenai kaedah pemulihan industri pelancongan pasca pandemik Covid-19 iaitu berdasarkan pelan yang digariskan oleh kerajaan dalam pemulihan negara dari segi pelancongan.

2.1 Definisi Pelancongan

Pelancongan merupakan satu aktiviti yang dilakukan oleh seseorang individu atau sekumpulan orang di luar daripada kawasan tempat tinggal mereka. Menurut Mason (2003) pelancongan merupakan kajian tentang tindak balas manusia bagi melihat ciri sosial, ekonomi dan persekitaran fizikal tempat lain. Oleh itu, pelancongan adalah kegiatan yang bukan sahaja melibatkan kemasukan pelancong tempatan tetapi juga pelancong asing ke sebuah destinasi pelancongan yang ingin dituju.

Sektor pelancongan merupakan industri terpenting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Hampir setiap tahun sektor pelancongan menunjukkan perkembangan positif melalui peningkatan bilangan pelancong. Menurut Goeldner (2006) industri pelancongan adalah antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara serta antara industri terbesar di dunia. Industri pelancongan juga diangkat sebagai sektor ekonomi kelima terpenting kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selepas gas dan petroleum, perkilangan dan automotif. Hal ini dikatakan demikian kerana industri pelancongan memberi hasil yang lumayan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Melancongan melambangkan status kemewahan kerana hanya segelintir orang sahaja yang berupaya untuk melancong. Dalam kajian Rahman H (2013) Hanya segelintir orang yang mempunyai masa dan wang sahaja yang dapat melakukan aktiviti melancong ini. Selain itu, Malaysia juga adalah negara yang berpotensi untuk dimajukan dalam sektor pelancongan.

Sektor pelancongan semakin rancak di Malaysia setelah banyak pembukaan kawasan baharu yang dibina atau dinaiktaraf. Sebagai contoh, kawasan tanah tinggi Cameron Highlands menjadi salah satu destinasi pilihan pelancong di Malaysia kerana merupakan kawasan sejuk sepanjang tahun dan mempunyai pemandangan indah yang menarik untuk dilawati. Cameron Highland juga mempunyai ladang teh yang cantik untuk mengambil gambar dan kaya dengan buah-buahan dan sayuran yang segar selain menjadi factor kedatangan pelancong ke Cameron Highlands.

Selain itu, Bandaraya Kuala Lumpur juga telah dinaiktaraf oleh pihak kerajaan bagi membina pusat membeli belah yang baru dan menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bagi menampung bilangan pelancong ke dalam negara.

Pelbagai insentif telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha memajukan negara Malaysia dalam sektor pelancongan.

Oleh itu, sektor pelancongan di negara ini mengalami peningkatan dari segi bilangan pelancong dan perkembangan ekonomi yang baik. Pelbagai langkah dilakukan bagi membangunkan sektor pelancongan sesebuah negara sejajar dengan peredaran masa yang berlaku dan dapat memajukan ekonomi negara dari segi kemasukan pelancong asing.

2.2 Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pelancongan

Pandemik Covid-19 memberi kesan negatif kepada industri pelancongan seluruh dunia termasuk juga negara Malaysia. Wabak pandemik Covid-19 telah memberi impak dari segi penutupan pintu sempadan negara manakala pihak kerajaan telah mengenakan perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk mengekang penyebaran virus sehingga keadaan kembali stabil. Hal ini menyebabkan sektor pelancongan mengalami penurunan permintaan di kalangan pelancong. Gössling et al. (2020) menyatakan bahawa Organisasi Pelancongan Dunia (UNWTO) menjangkakan ketibaan pelancong antarabangsa di Malaysia pada tahun 2020 merudum sebanyak 20 hingga 30 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Selain itu, kesan wabak ini juga telah menyebabkan orang ramai dalam industri pelancongan di seluruh dunia kehilangan pekerjaan. Sebagai contoh akibat pandemik Covid-19 ini memberi kesan terhadap produk pelancongan yang berkaitan seperti perhotelan, peruncitan, pengangkutan pelancongan dan sebagainya. Menurut Alzahrin Alias (2020) lebih 190,000 usahawan wanita yang kebanyakannya terbabit dalam perniagaan mikro dan sektor perkhidmatan turut terjejas disebabkan pandemik Covid-19. Hal ini menyebabkan ramai usahawan dalam industri pelancongan yang perlu

membuat pertimbangan yang sukar dan mula menutup perniagaan mereka kerana hutang yang semakin meningkat dan perlu melakukan pemberhentian pekerja secara besar-besaran.

Oleh itu, pelbagai Pelan Pemulihan seperti Penjana dan Prihatin telah dirangka oleh kerajaan bagi menangani impak Covid-19. Pemulihan dalam sektor ekonomi juga dilihat berfungsi sebagai '*buffer*' atau penimbal kepada kesan jangka Panjang wabak ini dimana ia berperanan untuk mengekalkan pekerja sektor ekonomi dan mengelakkan dari banyak syarikat berkaitan pelancongan gulung tikar. Menurut Hussin (2008) menyatakan bahwa pemulihan dalam pelancongan juga boleh menjadi sebab yang utama untuk merangsang ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan taraf hidup ekonomi setempat. Pelan pemulihan yang sedang dirancang ialah Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 bagi menjamin kelangsungan sektor pelancongan di Malaysia agar terus menjadi pilihan utama di peringkat global.

Selain itu, pihak kerajaan juga telah melaksanakan pakej rangsangan untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sektor pelancongan tempatan. Pelbagai insentif dilaksanakan khusus untuk industri pelancongan termasuk insentif menawarkan potongan harga pelancong tempatan daripada pengusaha hotel. Oleh itu, Kerjasama daripada pelancong tempatan adalah perlu untuk menyokong sebarang strategi yang dirancang oleh kerajaan.

2.3 Risiko Pandemk Covid-19 Terhadap Pelancongan

Pelancongan merupakan antara kegiatan sosial dan ekonomi yang sangat penting bagi pembangunan negara. Terdapat pelbagai aktiviti pelancongan yang menarik di Malaysia. Sebagai contoh melancong ke destinasi yang indah seperti Pulau

Perhentian dan Pulau Redang yang sangat cantik dan suasana yang menarik, selain menyaksikan budaya masyarakat yang berbilang kaum dan sebagainya.

Namun begitu, aktiviti pelancongan sentiasa terdedah dengan risiko bahaya atau persekitaran. Hal ini kerana pelancong berkemungkinan terdedah dengan pelbagai ancaman seperti bencana alam, kecurian, penipuan dan jangkitan penyakit. Sebagai contoh kejadian bencana alam yang terjadi di The Banjaran Hotsprings Retreat di Ipoh pada 10 November 2020 telah menyebabkan tanah runtuh sehingga mengorbankan dua nyawa (Normawati Adnan, 2020). Hal ini telah mengukuhkan lagi hujah kepentingan perlunya pengurusan risiko.

Sinha & Nair (2020) menyatakan bahawa persepsi tentang risiko mempunyai hubungan kait yang negatif terhadap gelagat pelancong untuk melancong. Hal ini dikatakan demikian kerana persepsi tentang impak Covid-19 dilihat berhubung kait dengan reaksi negatif pelancong yang dilihat takut untuk keluar walaupun pelbagai kelonggaran diberi oleh kerajaan ketika kita masih di fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Han et al. (2020) mengatakan bahawa risiko yang timbul adalah risiko psikologi. Selain itu, Luo & Lam (2020) menjelaskan bahawa pelancong merasa takut terhadap Covid-19. Hal ini telah menyebabkan para pelancong mula menitikberatkan akan aspek keselamatan dan aspek kesihatan diri selain terdapat juga segelintir pelancong yang membatalkan perjalanan mereka kerana kegelisahan untuk melancong. Oleh itu, pihak berkepentingan haruslah memainkan peranan penting dalam pengurusan pelancongan agar aktiviti pelancongan di Malaysia terus mendapat permintaan yang tinggi dan keselamatan sentiasa terjamin.

2.4 Kesan Wabak Penyakit Berjangkit

Penyakit berjangkit merupakan fenomena sosial yang berlaku dalam mana-mana masyarakat, dari zaman dahulu hingga kini. Wan Hazmir Bakar (1999) menyatakan bahawa Penyakit berjangkit, adalah penyakit yang dijangkiti melalui bakteria, parasit atau virus dalam kumpulan zoonosis seperti coronavirus, virus nipah dan virus hendra. Penyakit berjangkit boleh berlaku disebabkan oleh agen berjangkit atau bahan toksik yang berbahaya kepada manusia. Fatan Hamamah (2002) menjelaskan bahawa penyakit atau wabak bukan sahaja berbahaya kepada manusia tetapi ia dapat memberi implikasi teruk kepada sektor sosial, ekonomi dan politik di mana ia mampu menjejaskan kestabilan tiga sektor ini. Wabak juga memberi impak berpanjangan yang disebut sebagai “*domino effect*” seperti inflasi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pandemik adalah penyakit berjangkit yang merebak hampir di mana-mana merentasi sempadan negeri dan antarabangsa. Wabak ini boleh memberi jangkitan terutamanya di pernafasan seperti influenza dan mempunyai ciri-ciri seperti sindrom pernafasan akut teruk (SARS) di mana ia menimbulkan kebimbangan kepada kesihatan dunia. Wabak juga menjangkiti populasi manusia dan seterusnya menjejaskan kesihatan dan keselamatan diri. Sebagai contoh, tahap kesihatan manusia mula terjejas akibat demam dan batuk sehingga perlu mengasingkan diri daripada orang ramai. Selain itu, terdapat kemungkinan ubat antivirus dan vaksin yang tidak mencukupi untuk mencegah penularan wabak Covid-19. Oleh itu, langkah kawalan dan pencegahan jangkitan seperti kerap membasuh tangan dan selalu menyembur “*hand sanitizer*” bagi mengelakkan kuman merebak malahan dapat mengurangkan berlakunya jangkitan.

2.5 Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Masyarakat

Pandemik turut memberi kesan kepada masyarakat terutama dalam bentuk sosial dan ekonomi.

a) Sosial

Kesan pandemik kepada factor sosial ialah perkara yang mempengaruhi kebanyakan atau ke semua anggota masyarakat secara sengaja atau tidak sengaja yang dianggap sebagai masalah atau kontroversi yang berkait dengan nilai moral. Faktor sosial juga mengambil kira sesuatu perubahan yang terjadi dalam struktur masyarakat yang merujuk kepada perubahan yang berlaku dari sikap, personaliti dan komunikasi sosial.

Menurut Dube dan Kathende (2020), sewaktu arahan sekatan pergerakan dan sekatan sosial berlangsung, tidak semua golongan masyarakat mampu duduk di rumah tanpa melakukan sebarang aktiviti sosial untuk mengisi masa lapang sepanjang musim COVID-19. Perubahan aktiviti yang disebut sebagai norma baru ini telah menghadkan atau membataskan aktiviti riadah yang ingin dilakukan. Hal ini mengakibatkan masyarakat hidup dalam kebosanan, kemurungan dan keresahan disebabkan sekatan yang dikenakan. Sebagai contoh, masyarakat yang dahulu suka melancong ke dalam negeri atau luar negara kini tidak lagi aktif kerana perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) iaitu semua aktiviti pelancongan diberhentikan buat sementara waktu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

b) Ekonomi

Selain itu, kesan pandemik kepada negara merupakan cabaran yang besar dalam pembangunan ekonomi. Menurut Persatuan Nasional Malaysia Berhad (2021), bahawa situasi ini belum pernah dilalui oleh dunia sebelum ini. Seterusnya, sektor ekonomi merupakan sektor terpenting dalam pembangunan sesebuah negara. Sekatan yang dilakukan boleh mengakibatkan negara menjadi tidak stabil dari segi kewangan kerana tidak berlakunya pengaliran wang ringgit. Hal ini dikatakan demikian kerana pandemik Covid-19 telah menghadkan masyarakat melakukan aktiviti ekonomi harian mereka kerana hanya beberapa sektor ekonomi sahaja yang diluluskan beroperasi semasa PKP dilaksanakan. Sebagai contoh industri yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal, makanan dan minuman, keselamatan dan lain lain lagi.

Selain itu, industri pelancongan negara juga terjejas teruk akibat terkesan dengan pandemik ini. Hal ini mengakibatkan cabaran yang lebih besar kepada Malaysia dalam menstabilkan aktiviti pelancongan. Sebagai contoh cabaran yang dihadapi oleh industri ini ialah berlakunya perubahan negatif kepada sektor penginapan seperti perhotelan atau inap desa yang terpaksa ditutup kerana suram dan kekurangan wang ringgit untuk membayar gaji pekerja. Hal ini disebabkan sektor perhotelan bergantung kepada kehadiran pelawat dan pengunjung untuk terus bertahan atau beroperasi seperti biasa. Sektor pengangkutan seperti teksi, grab dan bas juga mengalami kurang permintaan disebabkan oleh berlakunya sekatan perjalanan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, rancangan yang teratur berkaitan pemulihan pelancongan perlu dilaksanakan

bagi membantu ramai orang yang bergantung kepada sektor ini untuk mata pencarian mereka.

2.6 Kaedah Pemulihan Industri Pelancongan Pasca Pandemik Covid-19

Pemulihan merupakan satu proses untuk memulihkan kesan fizikal daripada sesuatu bencana atau penyakit kepada mereka yang terjejas secara langsung. Menurut Raihan et. al (2018) menyatakan bahawa usaha dan proses ini perlu diseleraskan bagi memastikan semua pihak sama ada dari atas sampai bawah mendapat manfaat daripada proses pemulihan yang dirancang oleh pihak kerajaan. Pelbagai bentuk usaha pemulihan telah dilaksanakan bagi memulihkan semula keadaan sektor pelancongan negara dari aspek sosial dan ekonomi. Oleh itu, pelbagai pelan pemulihan negara sedang dirancang oleh kerajaan.

Antaranya ialah, pada Jun 2021, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan bahawa RM200 juta telah diperuntukkan untuk Rancangan Pemulihan Pelancongan yang dijangka menggalakkan lebih banyak perbelanjaan domestik dan meningkatkan ekonomi tempatan. Selain itu, Ishak (2020) menjelaskan bahawa pelan Pemulihan Pelancongan merangkumi diskaun penginapan, pakej destinasi pelancongan yang lebih berpatutan, diskaun keluarga serta diskaun petugas barisan hadapan dan juga tambang pengangkutan yang lebih murah dari sebelum ini turut disediakan. Hal ini mampu menarik minat pelancong untuk melancong melalui pakej yang ditawarkan agar aktiviti pelancongan di Malaysia dapat ditingkatkan kembali.

Oleh itu, pihak kerajaan perlulah bertanggungjawab melaksanakan tindakan pemulihan dengan segera bagi membantu ekonomi negara kembali pulih semasa berlakunya pasca pandemik ini.

2.7 Aplikasi Teori

Pengkaji telah memilih teori Fungsionalisme dalam kajian ini. Ia menerangkan mengenai organisasi sosial masyarakat dan menerangkan bagaimana sesebuah organisasi dikekalkan. Hal ini kerana masyarakat mempunyai peranan masing-masing dalam melahirkan kehidupan bermasyarakat yang harmoni. Emile Durkheim ialah ahli sosiologi pertama yang menggunakan idea fungsionalisme.

Brinkerhoff & White (1989: 9) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis fungsionalisme yang utama adalah kestabilan, keharmonian dan evolusi. Kestabilan adalah kriteria penilaian utama untuk menentukan sejauh mana sesebuah masyarakat boleh dikekalkan. Selain itu, keharmonian menunjukkan bagaimana struktur masyarakat bekerjasama untuk mencapai matlamat mereka dan evolusi pula menerangkan perubahan yang berlaku apabila struktur sosial menyesuaikan diri dengan pembaharuan.

Jones (2009) menjelaskan bahawa fungsionalisme ini bukan hanya tertumpu kepada masyarakat menjalani kehidupan yang teratur tetapi bagaimana peranan masyarakat dalam mematuhi peraturan tingkah laku yang telah dilembagakan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Teori ini dipilih kerana sesuai dengan tajuk kajian iaitu kesan pasca pandemik Covid-19 terhadap aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir, Terengganu. Hal ini kerana teori ini di anggap sebagai perubahan sosial dalam kehidupan masyarakat ketika wabak Covid-19. Selain itu, masyarakat perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar dapat mencegah dari penyakit yang mampu berjangkit kepada orang ramai.

Darmawati (2017) pula menyatakan fungsionalisme juga ada hubungkait dengan kehidupan berkeluarga. Hal ini kerana setiap ahli keluarga berkomunikasi,

saling memerlukan antara satu sama lain dan membina hubungan yang rapat dalam kekeluargaan. Melalui teori ini juga menerangkan bagaimana masyarakat berkeluarga menjalani kehidupan ketika wabak Covid-19 berlaku. Perkara ini dapat dirumuskan bahawa teori ini menjelaskan bagaimana masyarakat menjalani kehidupan sosial mereka ketika wabak Covid-19 melanda negara.

2.7 Penutup

Kajian literatur yang dijalankan adalah hasil daripada pengkajian keseluruhan artikel dari sumber internet, buku, dan sumber rujukan lain. Selain itu, kajian ini juga membantu pengkaji mencari maklumat berkaitan pelancongan dan kesan pandemik Covid-19. Pengkaji juga dapat memahami terdapat kaedah pemulihan pasca pandemik Covid-19.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab tiga membincangkan mengenai metodologi yang digunakan semasa kajian kesan pasca-pandemik terhadap aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir, Terengganu dijalankan. Bab ini menerangkan pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian. Selain itu, bab ini menerangkan kaedah pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang digunakan pengkaji bagi menjawab persoalan kajian terutamanya penggunaan temu bual dan pemerhatian dan data sekunder menjelaskan mengumpul maklumat dan data berkaitan dengan tajuk kajian. Di samping itu pensampelan kajian bukan keberangkatan iaitu teknik bebola salji digunakan dalam memilih sampel dalam kajian ini. Selain itu, bab ini membincangkan analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini. Seterusnya, terdapat beberapa alatan yang digunakan bagi membantu kajian seperti telefon pintar dan buku catatan. Akhir sekali, bab ini menerangkan limitasi kajian yang dihadapi semasa mengumpul data kajian.

3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Kualitatif

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan kaedah untuk mendapatkan serta mendalami individu dan kumpulan yang dikaitkan dengan isu sosial satu kelompok masyarakat. Proses penyelidikan melibatkan soalan serta prosedur yang muncul di mana data kebiasaannya dikumpul secara induktif dan seterusnya ia dapat membina kepada tema penyelidikan dan tafsiran data. Manakala laporan bertulis akhir akan menggambarkan struktur kajian yang fleksibel serta

menyeluruh. Pendekatan penyelidikan jenis ini menghormati gaya induktif, yang memberi tumpuan pada makna individu, dan kepentingan melaporkan kekangan yang berlaku.

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah reka bentuk kajian etnografi. Etnografi merupakan kajian mencari maklumat dari segi antropologi dan sosiologi berkaitan dengan tingkah laku, bahasa dan budaya dalam suasana semulajadi dalam satu tempoh masa yang lama.

Untuk mendapatkan data melalui kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan instrumen penyelidikan seperti kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, kaedah kepustakaan dan sumber internet. Setiap data yang diperoleh disimpan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis data tematik. Kajian lapangan meliputi menemu bual responden dan pemerhatian manakala kaedah kepustakaan dan sumber internet pula pengkaji perlu mencari data untuk dianalisis, membuat kajian literatur dan mencari maklumat tambahan yang diperlukan.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data adalah cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dengan sah dan tepat. Data-data yang diperolehi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Data-data tersebut mempunyai beberapa kaedah yang bersesuaian yang digunakan oleh pengkaji.

3.2.1 Data Primer

Menurut Yusof (2004) data primer adalah data yang diperolehi dari sumber asal yang dikumpul oleh pengkaji untuk menjawab persoalan kajian. Data yang

dikumpulkan oleh pengkaji adalah dari sumber utama atau tempat kawasan kajian yang dilakukan. Pengkaji menggunakan hasil data yang diberikan oleh responden mengenai topik yang dikaji sebagai data primer.

i) Temu Bual

Menurut Gubrium (2018) temu bual untuk tujuan penyelidikan adalah aktiviti sistematik yang boleh dipelajari dengan baik. Teknik pengumpulan data melalui temu bual dibuktikan oleh berpuluh-puluh buku mengenai wawancara, termasuk siri empat jilid Fielding (2008) dan buku panduan terkini.

Temu bual adalah kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini. Temu bual dilakukan dengan menemui responden untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada mulutnya sendiri (Ahmad Mahdzan, 2007). Temu bual dijalankan bagi mengetahui topik-topik berkaitan dengan isu kajian, kehidupan seharian mereka dan perkara yang telah berlaku atau sedang berlaku di kawasan kajian iaitu Tasik Kenyir. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara separa berstruktur kerana ingin mengumpulkan maklumat yang bersifat fleksibel dan membolehkan responden memberi jawapan dan menghuraikan berdasarkan perkara yang berlaku di kawasan kajian.



Rajah 3.1: Proses Menemu Bual Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Dalam kajian ini, pengkaji akan menemu bual 10 orang responden yang terdiri daripada penduduk atau komuniti setempat di kawasan kajian. Rajah 3.1 menunjukkan proses menemu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap beberapa orang responden. Selain itu, pengkaji turut menemu bual agensi yang terlibat dengan pelancongan Tasik Kenyir iaitu Lembaga Kemajuan Tengah Terengganu (KETENGAH) dalam mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas.

ii) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dijalankan melalui dua cara iaitu pemerhatian secara langsung dan pemerhatian secara penglibatan. Menurut Jasmi (2012) pemerhatian secara langsung adalah salah satu cara mengumpulkan maklumat melalui cara memerhati kawasan kajian sahaja kerana ia dilakukan tanpa sebarang komunikasi antara penyelidik dan responden. Manakala kaedah pemerhatian penglibatan pula adalah pengkaji melibatkan dirinya dengan masyarakat untuk mendapatkan maklumat dan memahami dengan lebih mendalam mengenai isu yang dikaji.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah pemerhatian secara penglibatan untuk memperolehi maklumat yang tepat dan lebih jelas. Pengkaji menemui atau mengikuti setiap aktiviti yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab yang aktif dalam mempromosikan Tasik Kenyir kepada pelancong. Menerusi kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh penduduk setempat dalam membangunkan ekonomi pelancongan di Tasik Kenyir ini. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kamera untuk mengambil gambar dan merakam video suasana di Tasik Kenyir bagi memudahkan lagi pengkaji jika terlepas pandang info yang penting mengenai kawasan kajian.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, banyak maklumat yang diterima pengkaji mempunyai persamaan dengan temu bual bersama responden. Maklumat yang diterima pengkaji telah memberikan kemudahan untuk membuat laporan bagi kajian ini.

3.2.2 Data Skunder

Pengkaji juga akan mengumpul maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan menggunakan data sekunder. Marican (2005) menjelaskan kaedah sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan dan diolah daripada sumber data primer yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Selain itu, data sekunder boleh diperolehi melalui internet, maklumat yang diterbitkan dan lain-lain. Data kajian mengenai Tasik Kenyir telah dikumpul melalui kajian kepustakaan dan sumber dari internet.

a) Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi membantu mendapatkan maklumat atau istilah yang lebih tepat atau benar. Kajian kepustakaan merupakan kaedah rujukan terhadap bahan-bahan ilmiah seperti buku, keratan akhbar, jurnal, dan artikel. Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan adalah bagi memperolehi maklumat mengenai kesan pasca pandemik Covid-19 terhadap aktiviti pelancongan secara lebih mendalam.

b) Sumber Internet

Selain daripada rujukan bahan-bahan ilmiah, pengkaji juga merujuk kepada sumber internet dalam menambah maklumat untuk memperoleh data kajian. Contohnya, pengkaji menggunakan sumber internet melalui laman sesawang *google scholar*, *academia* dan *researchgate*. Kesemua data-data penting ini dianalisis dan dimasukkan ke dalam laporan kajian.

3.3 Pensampelan Kajian

Shukri (2015) menjelaskan bahawa pensampelan kajian adalah antara perkara penting dalam membuat penyelidikan kerana ianya akan menentukan kualiti hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Terdapat dua asas pensampelan ialah pensampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih sampel bukan kebarangkalian. Pengkaji juga telah memilih teknik bebola salji dalam memilih sampel dalam kajian ini.

Menurut Patton (2015, p.258) menjelaskan bahawa dengan meminta beberapa orang untuk berkomunikasi akan menjadikan bebola salji menjadi lebih besar dan dapat mengumpul yang baharu. Teknik bebola salji merupakan teknik di mana seorang responden akan memperkenalkan responden yang lain bagi menjawab persoalan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual 10 orang responden mengikut saiz sampel bidang kepakaran mereka dan antaranya ialah Ketua Kampung yang bertindak sebagai gatekeeper, penduduk Tasik Kenyir, dan agensi yang terlibat dengan pelancongan Tasik Kenyir iaitu KETENGAH.

Setelah selesai temu bual, pengkaji akan meminta individu yang di temu bual untuk mencadangkan individu lain bagi menjawab persoalan tentang kajian yang dijalankan. Pengkaji juga menemu bual setiap responden sehingga pengkaji berpuas hati dan memperolehi data tepu berdasarkan jawapan yang berulang temu bual diberikan. Temu bual menggunakan sampel ini akan berakhir apabila pengkaji memperoleh data kajian yang tepat dan dapat menjawab persoalan kajian ini.

Responden	Pekerjaan/Pengunjung	Umur
Responden 1	Pekerja KETENGAH	29 Tahun
Responden 2	Pengunjung	26 Tahun
Responden 3	Pekerja Bebas Cukai	24 Tahun
Responden 4	Pemandu <i>Houseboat</i>	25 Tahun
Responden 5	Ketua Kampung	56 Tahun
Responden 6	Peniaga	48 Tahun
Responden 7	Anak Pengusaha <i>Houseboat</i>	27 Tahun
Responden 8	Pemandu <i>Houseboat</i>	28 Tahun
Responden 9	Pengunjung	26 Tahun
Responden 10	Pengunjung	23 Tahun

Jadual 3.1: Responden Kajian

Sumber: Kajian Lapangan, 2022


Jadual 3.1 menunjukkan maklumat responden yang telah ditemu bual sepanjang kajian lapangan dijalankan. Pengkaji telah menemubual seramai 10 orang responden yang terdiri daripada Ketua Kampung, pekerja KETENGAH, pemandu *houseboat*, anak pengusaha *houseboat*, peniaga dan beberapa orang pengunjung yang berada di Tasik Kenyir. Selain itu, responden kajian ini terdiri daripada golongan muda sehingga warga emas. Melalui proses menemu bual ke atas kesemua responden ini dapat membantu pengkaji untuk mencari dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif kajian yang dilakukan.

3.4 Kaedah Analisis

Kaedah menganalisis data merupakan cara atau proses yang akan digunakan bertujuan untuk memperoleh maklumat dan informasi yang bermanfaat dalam proses penyelidikan. Analisis data juga adalah proses memahami data yang diperolehi berdasarkan soalan kajian (Merriam & Tisdell, 2016).

3.4.1 Analisis Tematik

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik. Menurut Willig (2014, p.147), analisis tematik dilihat sebagai proses mengenal pasti isu dalam data dan hubung kait terhasil daripada ulasan berkaitan persoalan kajian. Braun & Clarke (2006) menyatakan bahawa analisis tematik adalah untuk menganalisis data yang bertujuan untuk mencari corak dan tema dalam data kualitatif.



Rajah 3.2: Proses Analisis Tematik

Braun & Clarke (2006) menyatakan bahawa analisis tematik adalah untuk menganalisis data yang bertujuan untuk mencari corak dan tema dalam data kualitatif. Pengkaji menganalisis data melalui beberapa proses.

Langkah pertama adalah melalui transkripsi data iaitu memindahkan data bentuk audio kepada bentuk penulisan. Kriadalaksana (2001) menyatakan bahawa

transkripsi adalah satu bentuk pertukaran rakam perbualan kepada teks. Proses transkripsi akan digunakan untuk pengkaji mencari data yang boleh dijadikan sebagai tema dalam menghasilkan laporan. Oleh itu, setiap perbualan hasil daripada rakaman akan ditulis dengan betul dan tepat mengikut perbualan responden semasa proses menemu bual dijalankan.

RESPONDEN-UZIR
(PEKERJA BEBAS CUKAI)

A	Boleh saya tahu nama encik? Dan pasal diri encik?
B	Nama saya Che ku Muhammad Uzir, dan berumur 24 tahun, saya merupakan pekerja bebas cukai.
A	Ohh kira encik penduduk di sekitar ni lah?
B	Ya, betul
A	adakah suasana disini menarik?
B	Bagi saya lah suasana di sini menarik dan tenang
A	Apakah aktiviti pelancongan yang terdapat di tasik kenyer Terengganu?
B	Aktiviti yang terdapat di tasik kenyer, contohnya aktiviti housebot, kelah santuari dan memancing aktiviti memancing... Em bila aktiviti memancing ni para pemancing dapat banyak ikan kelah, lampan, toman dan sebagainya. Kalau untuk spa/ kelah santuari ni para pelancong dia dapat melakukan aktiviti merendam kaki bersama kelah dan bermain bagi makan kelah di dalam sungai.
A	Okay seterusnya bagaimanakah cara untuk para pelancong menempah aktiviti ni?
B	Cara untuk menarik pelancong... menempah aktiviti di tasik kenyer ni banyak melalui sosial media lah kalau ikut zaman sekerang contohnya boleh buat poster, flyers aa pahtu menda tu kalau ikut sosial media ni melalui facebook intstagram emm ho hok tu jelah.
A	Hahaha ho ye haha, adakah aktiviti yang disediakan ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda?
B	Bagi saya ye sebab aktiviti disediakan ini berkait dengan alam sekitar kiranya berkait dengan alam sekitar dok kait dengan alam sekitar bermaksud dia sihat untuk semua lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda.
A	Okay soalan seterusnya bilakah tarikh yang sesuai atau waktu bila tasik kenyer menerima bilangan pengunjung yang ramai?
B	Aaa tarikh yang sesuai untuk menarik pelancong ke tasik kenyer seeloknya pada cuti sekolah, cuti panjang, cuti umum dan para pemancing pada musim tengkujuh.
A	Apa pandangan pengunjung terhadap aktiviti pelancongan yang disediakan ini?
B	Pandangan saya aktiviti ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat dok kira tua, dok

Rajah 3.3: Transkrip Temu Bual Bersama Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Seterusnya, pengkaji akan membuat pemilihan sub-kumpulan untuk mencari perkataan atau kata kunci bagi menyusun kod setiap kumpulan. Pengkaji akan menulis setiap kata kunci yang ditemui bagi mencari idea untuk kajian ini.

Bil	Tema	Coding
1	<u>Kesan Pandemik Terhadap Aktiviti Pelancongan</u>	<u>a. Pengoperasia dan Aktiviti Pelancongan Terhenti</u> <u>b. Pendapatan Pusat Pelancongan Terjejas</u> <u>c. Penurunan Permintaan Terhadap Aktiviti Pelancongan</u>
2	<u>Aktiviti Pelancongan Utama Yang Terdapat Di Tasik Kenvir</u>	<u>a. Aktiviti Yang Ditawarkan</u> <u>b. Tujuan Kedatangan Pelancong</u> <u>c. Tempahan Aktiviti Pelancongan</u> <u>i) secara dalam talian</u> <u>ii) secara fizikal</u> <u>d. Waktu Saranan Aktiviti Pelancongan</u> <u>e. Keselamatan Pelancong Di Tasik Kenvir</u>
3	<u>Peranana Pihak Berkepentingan Dalam Menangani Kesan Pandemik Di Tasik Kenvir</u>	<u>a. Peranan Pihak Berkepentingan Mengurus Tasik Kenvir Sewaktu Pasca Pandemik</u> <u>b. Usaha Yang Dilakukan Bagi Pihak Berkepentingan Membantu Pengusaha Yang Terjejas</u>
4	<u>Langkah Yang Relevan Memajukan Tasik Kenvir</u>	

Rajah 3.4: Menyusun Tema

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Kemudian pengkaji akan menyemak semula kod yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan berlakunya kecaciran maklumat yang penting dan membentuk tema bagi jawapan temu bual tersebut. Selepas itu, pengkaji akan membuat triangulasi data yang akan dikaitkan dengan data dan kajian dari sudut berbeza bagi mendapatkan gambaran keseluruhan yang tepat dan jelas. Akhir sekali, pengkaji akan membuat laporan untuk pengesahan data daripada responden untuk dimasukkan ke dalam dapatan kajian.

3.5 Alatan Bantuan Yang Digunakan Merakam

Pengkaji menggunakan beberapa jenis alatan bantuan dalam mengumpulkan data atau maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Alatan yang digunakan dapat membantu mengkaji dari segi memudahkan urusan temu bual, kerja lapangan dan sebagainya semasa kajian yang dijalankan. Selain itu, urusan merekod data dan merakam maklumat akan lebih mudah diperolehi. Antara alatan yang digunakan bagi merakam maklumat kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

a) Telefon Pintar

Semasa temu bual di jalankan ke atas responden, telefon pintar digunakan untuk menghubungi para responden secara dalam talian. Selain itu, telefon pintar digunakan sebagai medium untuk merakam suara responden ketika proses temu bual dijalankan bagi memperolehi maklumat yang diinginkan. Selain itu, pengkaji menggunakan telefon pintar untuk mengambil gambar dan merakam video suasana kawasan kajian dan semasa temu bual dijalankan. Hal ini dapat memudahkan pengkaji melihat kembali rekaman bagi menulis laporan kajian

b) Buku Catatan

Buku catatan juga merupakan alat yang digunakan ketika menjalankan kajian ini. Buku catatan digunakan untuk menulis jawapan temu bual dan merekod aktiviti yang dilakukan ketika kajian lapangan sebagai bukti di lapangan. Buku catatan juga akan dirujuk sekiranya ada data atau maklumat yang diinginkan tercicir semasa sesuatu proses penyelidikan dijalankan.

3.6 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa batasan atau limitasi ketika menjalankan kajian ini. Pertama pengawai atasan KETENGAH tidak dapat memberikan kerjasama kerana terlibat dengan pelbagai mesyuarat yang perlu dihadiri. Namun begitu, perkara tersebut dapat diselesaikan dengan beliau telah mengarahkan bawahan atau perkerjanya untuk menjalani proses menemu bual ini. Kedua, bagi responden peniaga pula segelintir peniaga tidak dapat memberikan kerjasama yang sepatutnya. Hal ini terdapat segelintir di antara mereka yang sibuk menjalankan aktiviti perniagaan dan ada juga yang malu untuk menjawab soalan temu bual ini.

3.8 Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini berdiskusi mengenai pendekatan kajian, kaedah pengumpulan data, persampelan data dan juga cara menganalisis data untuk memperoleh maklumat berkaitan kajian dengan lebih jelas dan tepat. Oleh itu, melalui kaedah yang dijalankan ini pengkaji dapat memahami tujuan kajian serta mencapai objektif yang dilaksanakan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi daripada hasil kajian lapangan yang dilakukan. Data kajian diperolehi menggunakan kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan temu bual secara mendalam. Dua teknik pensampelan kajian iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bebola salji digunakan bagi mendapatkan responden berkaitan kajian ini.

Terdapat empat tema utama yang diekstrak daripada dapatan kajian. Tema pertama adalah mengenai kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir. Tema kedua adalah aktiviti pelancongan utama yang terdapat di Tasik Kenyir. Tema ketiga adalah peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir. Tema terakhir adalah langkah yang relevan dalam memajukan sektor pelancongan di Tasik Kenyir.

4.1 Kesan Pandemik Terhadap Aktiviti Pelancongan

Pada awal tahun 2020, dunia telah dikejutkan dengan wabak penyakit berjangkit yang sangat berbahaya iaitu kemunculan virus Covid-19. Wabak Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada semua aktiviti pelancongan di dalam negara, termasuklah Tasik Kenyir di Terengganu. Covid-19 telah melumpuhkan sektor pelancongan negara disebabkan oleh sekatan perjalanan dan keluar masuk pelancong tidak kira secara domestik mahupun di luar negara. Setiyawan Gunarfi (2020) menyatakan bahawa kerajaan telah memerintahkan pelaksanaan PKP dalam usaha melindungi rakyat dari wabak dan penularannya.

Terdapat beberapa kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir iaitu pengoperasian dan aktiviti pelancongan terhenti, pendapatan pusat pelancongan terjejas dan penurunan permintaan terhadap aktiviti pelancongan. Melalui kajian lapangan yang telah dijalankan, pandemik telah banyak menjejaskan dan membantutkan aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir.

a) Pengoperasian dan Aktiviti Pelancongan Terhenti

Pandemik Covid-19 telah menjejaskan pengoperasian dan aktiviti pelancongan. Hal ini dapat dilihat bahawa operasi pusat pelancongan dan aktiviti pelancongan yang sentiasa dipenuhi dengan pengunjung terhenti serta merta, seterusnya menjejaskan pendapatan pengusaha pusat pelancongan. Pusat-pusat pelancongan di seluruh negara tidak dibenarkan beroperasi dan segala aktiviti perkhidmatan terpaksa ditangguhkan. Pandemik juga telah memberi kesan dan perubahan terhadap sosioekonomi masyarakat. Menurut Mair et al (2016) menyatakan bahawa cabaran yang besar dalam industri pelancongan pada masa kini adalah memahami gelagat pelancong akibat daripada penularan virus Covid-19.

Menurut Abdul Razak (2020), pelanjutan pelaksanaan PKP turut menjejaskan dan memburukkan lagi keadaan perniagaan dan pusat pelancongan di Malaysia sehingga mereka tidak lagi mempunyai pilihan lain selain terpaksa menghentikan operasinya. Selain itu, Abdul Razak turut menyatakan bahawa kebanyakan pekerja yang berkerja di dalam industri pelancongan dan hospitaliti juga terhenti kerja buat sementara waktu, bekerja dari rumah atau hilang pekerjaan mereka.

Tasik Kenyir juga menerima nasib yang sama kerana semua aktiviti pelancongan dalam negara terpaksa dihentikan serta merta mengikut arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha mencegah kawalan penyakit berjangkit ini.

Hal ini telah menyebabkan seluruh pengoperasian aktiviti pelancongan seperti *houseboat*, memancing, berkayak terpaksa dihentikan. Oleh itu, perkara ini telah menimbulkan pelbagai tanda tanya bagi pengusaha *houseboat* dan pengusaha aktiviti pelancongan yang lain bilakah kebenaran pengoperasian semula dibenarkan semasa Covid-19 melanda negara ini.

b) Pendapatan Pusat Pelancongan Terjejas

Selain itu, pandemik Covid-19 juga telah menjejaskan pendapatan ramai pengusaha pusat pelancongan Tasik Kenyir. Hal ini dikatakan demikian kerana semua aktiviti pelancongan yang melibatkan penawaran perkhidmatan mereka terpaksa ditutup disebabkan oleh perintah kerajaan dan melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP). Oleh itu, perkara ini telah menimbulkan kegelisahan di antara pengusaha kerana terpaksa memikirkan segala kos perbelanjaan yang harus ditanggung termasuklah membayar gaji pekerja, membaik pulih *houseboat* (rumah bot), membeli keperluan harian dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga peniaga yang memberhentikan pekerja kerana tidak mampu menanggung kos pembayaran gaji pekerja dan pelayan kedai (yang bekerja di restoran hotel) pada ketika itu. Menurut Responden 3

pengusaha bot tidak dapat menjalankan operasi bot kerana pengusaha bot harus memikirkan untuk menyelenggara bot perlu membayar bekalan elektrik dan semua tu memerlukan kos yang tinggi dan juga pengusaha bot perlu memikirkan bayar gaji pekerja mereka dan ada juga kedai-kedai memberhentikan jualan serta merta sebab pelancong yang kurang dan pandemik yang berlaku (Responden 3, Temu bual, 23 Oktober 2022).

c) Penurunan Permintaan Terhadap Aktiviti Pelancongan

Seterusnya, permintaan terhadap aktiviti yang ditawarkan juga turut menurun. Pandemik Covid-19 telah mendatangkan risiko kesihatan dan keselamatan kepada para pengunjung dan penduduk setempat. Hal ini menyebabkan orang ramai berasa trauma akan penyakit berbahaya ini kerana ianya tidak boleh dikesan atau dilihat melalui mata kasar. Oleh itu, Pihak kerajaan telah mengarahkan penutupan semua sektor pelancongan termasuk perkhidmatan houseboat dan aktiviti pelancongan lain. Responden 3 turut menyatakan bahawa,

bilangan permintaan semakin berkurang dari penduduk tempatan dan juga ia memberikan trauma kepada penduduk masyarakat akan covid yang melanda. (Responden 3, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Walaupun, kerajaan telah mengumumkan peralihan fasa endemik yang memberikan satu sinar baharu kepada pengusaha-pengusaha perkhidmatan yang terjejas. Menurut Muhammad Yusri Muzamir (2021) salah satu strategi kerajaan dalam Pelan Pemulihan Negara Fasa Satu adalah memberi peluang kepada pelancong domestik di seluruh negara untuk melancong ke destinasi yang dibuka mengikut SOP yang dikeluarkan. Kerajaan telah memberi kelonggaran iaitu dengan membenarkan semula aktiviti pelancongan dijalankan namun begitu, terdapat syarat yang perlu dipatuhi oleh pusat pelancongan seperti kadar penerimaan pelancong yang tiba di Tasik Kenyir dihadkan bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 ini. Syarat ini juga telah disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). KKM telah meletakkan garis panduan supaya orang awam tidak berkumpul di kawasan yang sesak. Pernyataan ini telah disokong oleh Responden 5 di mana,

Mase musim pandemik tu dia tutup terus tapi bila fasa endemik tu pengusaha dan kerajaan negeri ada buka untuk kemasukan pelancong tapi di hadkan tidak menerima pelancong yang ramai pada satu satu masa untuk mengelakkan penularan pandemik ini (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Oleh itu, peralihan ke fasa endemik merupakan satu peluang baru kepada pengusaha-pengusaha yang terjejas kerana mereka boleh menjana semula mata pencarian atau menambah semula pendapatan mereka. Selain itu, pengusaha *houseboat* juga mula menawarkan pakej yang menarik dan potongan harga yang berpatutan untuk menarik lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan *houseboat* mereka.

4.2 Aktiviti Pelancongan Utama yang Terdapat di Tasik Kenyir

Terdapat enam bahagian di dalam tema ini iaitu aktiviti yang ditawarkan, tujuan kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir, tempahan aktiviti pelancongan, waktu operasi Tasik Kenyir dan keselamatan pelancongan di Tasik Kenyir.



Rajah 4.1: Aktiviti Pelancongan Yang Ditawarkan

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

a) Aktiviti Yang Ditawarkan

Tasik Kenyir yang terletak di daerah Hulu Terengganu merupakan kawasan pelancongan yang sangat menarik untuk dilawati. Walaupun hanya sekadar tasik buatan manusia, Tasik Kenyir telah berjaya menarik ramai pelancong dari dalam dan juga luar negara. Ini adalah kerana terdapat terdapat pelbagai aktiviti pelancongan yang menarik ditawarkan di Tasik Kenyir kepada pengunjung. Rajah4.1 menunjukkan aktiviti pelancongan yang ditawarkan di Tasik Kenyir seperti berkayak memancing dan lain-lain. Menurut Azlie Halim (2022), destinasi percutian berasaskan alam semula jadi

mula menjadi pilihan utama pelancong dan aktiviti berfokuskan hobi seperti mendaki, fotografi dan berkayak mula mendapat tempat di kalangan pelancong di Malaysia.

Berdasarkan hasil temu bual sebanyak sepuluh orang responden yang merupakan antara ketua kampung, pekerja KETENGAH (Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah), peniaga tempatan, pengusaha bot, pengunjung dan penduduk tempatan menyatakan bahawa di Tasik Kenyir mempunyai pelbagai aktiviti yang ditawarkan. Aktiviti yang dinyatakan oleh beberapa orang responden adalah seperti berikut:

Aktiviti yang terdapat di Tasik Kenyir, contohnya aktiviti houseboat, santuari kelah dan memancing aktiviti memancing.... Em bila aktiviti memancing ni para pemancing dapat banyak ikan kelah, lampan, toman dan sebagainya. Kalau untuk spa atau santuari kelah ni para pelancong dia dapat melakukan aktiviti merendam kaki bersama kelah dan bermain bagi makan kelah di dalam sungai (Responden 3, Temumbual, 23 Oktober 2022).



Rajah 4.2: Suasana di Santuari Kelah


Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan pernyataan yang dijelaskan oleh Responden 3, aktiviti pelancongan yang ditawarkan di Tasik Kenyir merupakan perkhidmatan *houseboat*, memancing dan santuari kelah. Aktiviti memancing sangat sinonim dengan tujuan utama kedatangan pengunjung ke Tasik Kenyir ini. Hal ini kerana di Tasik Kenyir terdapat pelbagai spesies ikan air tawar seperti ikan kelah, ikan lampam, ikan toman dan sebagainya. Manakala bagi perkhidmatan spa atau santuari kelah seperti rajah 4.2 pula pelancong dapat merasakan suasana yang sangat menarik iaitu dapat merendam kaki bersama ikan kelah dan memberi makan kepada ikan. Responden 4 turut menyatakan,

aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir ini sangat banyak dan ianya juga merupakan tempat hebat untuk penggemar kaki pancing kerana kaya

dengan pelbagai spesies ikan air tawar, selain itu pengunjung juga boleh menaiki houseboat. Houseboat yang terdapat di sini melebihi 25 buah houseboat yang berlainan jenis dan fungsi. Contohnya, jenis yang boleh disewa untuk kaki pancing, jenis family gathering dan sebagainya. Di sini juga terdapat gua bewah, santuari kelah, taman orkid, jungle walk dan lain lain lagi. (Responden 4, Temu bual, 24 Oktober 2022).

Selain itu, aktiviti pelancongan lain yang ditawarkan di Tasik Kenyir adalah perkhidmatan *houseboat*. Rajah 4.3 menunjukkan beberapa jenis *houseboat* yang terdapat di Tasik Kenyir. Terdapat melebihi 25 buah *houseboat* yang berlainan fungsi dan jenis. Para pengunjung boleh memilih *houseboat* mengikut aktiviti yang ingin dilakukan oleh mereka. Sebagai contoh jika pengunjung ingin memancing mereka boleh menempah *houseboat* yang sesuai untuk aktiviti tersebut kerana pemandu atau kelindan *houseboat* berkenaan lebih pakar dan mengetahui kawasan memancing yang sesuai dan mempunyai banyak ikan yang boleh dipancing. Manakala terdapat juga *houseboat* yang sesuai untuk berkumpul dengan seisi keluarga. Hal ini kerana *houseboat* yang lebih selesa dan luas serta mempunyai kemudahan yang lebih baik berbanding *houseboat* memancing turut disediakan.



Rajah 4.3: Jenis-jenis *houseboat*

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Oleh itu, para pengunjung boleh merasai dengan sendiri pengalaman berada dan bermalam di atas *houseboat* yang telah disediakan di Tasik Kenyir ini.

b) Tujuan Kedatangan Pelancong

Tasik Kenyir juga merupakan kawasan pelancongan yang terkenal dengan keindahan alam flora fauna dan cerita-cerita legendanya yang tersendiri.



Rajah 4.4: Barbeku Bersama Keluarga Di Atas *Houseboat*

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Responden menerangkan bahawa tujuan utama kedatangan mereka ke Tasik Kenyir adalah untuk menjalankan aktiviti bersama keluarga, selain merasai dengan sendiri akan suasana di Tasik Kenyir kerana suasana di tasik ini yang sangat menarik dan seronok. Hal ini kerana terdapat pelbagai aktiviti yang menarik terdapat di Tasik Kenyir ini seperti memancing, *houseboat* dan sebagainya. Pernyataan ini disokong oleh Responden 1 yang merupakan perkerja KETENGAH dan menyatakan bahawa:

suasana di sini sangat menarik dan seronok untuk dilawati untuk” family gathering” kerana terdapat pelbagai aktiviti yang menarik boleh disertai. (Responden 1, Temu bual, 24 Oktober 2022).

Manakala pernyataan dari Responden 2 yang juga merupakan seorang pengunjung di Tasik Kenyir menyatakan bahawa tujuan kedatangannya adalah “...melihat kehijauan dan healing...” (Responden 2, Temu bual, 26 Oktober 2022).

Berdasarkan hasil temu bual bersama Responden 2, pengunjung juga boleh merasakan suasana yang sangat tenang di Tasik Kenyir kerana Tasik Kenyir mempunyai keindahan flora dan fauna yang menghijau serta menarik. Keindahan alam semula jadi yang indah dan menghijau mampu menenangkan akal fikiran serta jiwa seseorang yang kusut setelah penat bekerja. Menurut Muhd Zuhdi (2002), keindahan dan kecantikan mempunyai pengertian yang luas dalam Islam iaitu merangkumi keindahan pada perasaan dan menyedapkan pandangan mata.

c) Tempahan Aktiviti Pelancongan

Terdapat dua cara yang boleh digunakan oleh pengunjung untuk menempah perkhidmatan yang ditawarkan di Tasik Kenyir seperti tempahan secara dalam talian dan secara fizikal iaitu secara *walk in*.

i) Secara Dalam Talian

Pengunjung yang menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di Tasik Kenyir boleh membuat tempahan secara dalam talian melalui media laman sosial seperti aplikasi whatsapp, facebook, Instagram dan tiktok. Pengunjung yang ingin menempah *houseboat* juga boleh menghubungi secara langsung kepada pengusaha bagi mendapatkan tarikh yang sesuai dan untuk mendapatkan informasi yang lebih lanjut mengenai aktiviti yang ditawarkan. Menurut Responden 5,

..... pengusaha-pengusaha bot yang ada membuat hebahan melalui media sosial seperti facebook, tiktok, Instagram dan sebagainya yang

mana memudahkan orang ramai di luar kawasan hulu Terengganu untuk menempah dan bertanya mengenai aktiviti berkenaan. (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Selain itu, Responden 6 juga merupakan seorang pemandu pelancong bekerja di atas *houseboat* turut menyatakan bahawa terdapat beberapa contoh pengusaha *houseboat* yang boleh dihubungi adalah seperti Seri Gawi Houseboat, Papa Houseboat dan sebagainya.

Pengunjung hok nak mari sini boleh layari facebook page pengusaha bot Tasik Kenyir seperti seri gawi houseboat, papa houseboat ataupun boleh terus mari sini dan g ke kaunter tiket yang telah disediakan di situ. (Responden 6, Tembual, 4 November 2022).

ii) Secara fizikal (Walk in)

Selain itu, terdapat cara lain yang boleh digunakan oleh pengunjung untuk menempah perkhidmatan yang ditawarkan seperti menempah terus ke kaunter tiket yang telah disediakan oleh pihak berwajib. Responden 6 menyatakan “...*boleh terus mari sini dan g ke kaunter tiket yang telah disediakan di situ*” (Responden 6, Temu bual, 4 November 2022). Namun begitu, pembelian tiket melalui kaunter memakan masa dan tenaga kerana para pengunjung perlu beratur terlebih dahulu. Selain itu, terdapat juga beberapa orang pengunjung menggunakan menempah aktiviti yang ditawarkan melalui kenalan-kenalan yang tinggal di sekitar Tasik Kenyir seperti yang dinyatakan oleh Responden 7, “... *juga emm dan biasanya melalui kenalan-kenalan yang kenal dengan pengusaha bot untuk menempah aktiviti ini* (Responden 7, Temu bual, 7 November 2022).

d) Waktu Saranan Aktiviti Pelancongan

Waktu operasi Tasik Kenyir, Terengganu adalah dibuka sepanjang tahun namun begitu pada musim tengkujuh, pengunjung tidak digalakkan untuk berkunjung kerana berlakunya peralihan monsun di pantai timur. Selain itu, hujan lebat turut berlaku pada bulan November, bulan Disember dan bulan Januari. Hal ini menyebabkan peningkatan paras air di kawasan sekitar dan berlakunya banjir. Menurut Responden 5 yang merupakan seorang ketua kampung menyatakan bahawa:

Tarikh dan waktu yang sesuai emm kemasukan pelancong ini sepanjang tahun kecuali musim tengkujuh biasanya bulan 11, bulan 12 dan juga bulan 1 kerana paras air yang tinggi dan hujan yang lebat laa. (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Selain itu, perkara ini juga disokong oleh Responden 1 dengan menyatakan bahawa pengunjung perlulah sentiasa mengunjungi laman sesawang dan aplikasi Facebook di laman sosial Tasik Kenyir untuk mengetahui informasi terkini berkaitan keadaan di Tasik Kenyir sebelum membuat sebarang tempahan dan berkunjung ke kawasan pelancongan bagi mengelakkan berlakunya salah faham. Oleh itu, setiap maklumat yang disampaikan merupakan satu maklumat yang berguna kepada para pengunjung. Menurut Responden 1,

...waktu yang sesuai untuk pengunjung datang kesini adalah sepanjang tahun kerana tempat ini sentiasa dibuka, namun pengunjung dinasihatkan untuk melihat update terkini di laman sosial Tasik Kenyir sebelum membuat tempahan kerana taman rekreasi ini tidak sesuai datang ketika musim tengkujuh (Responden 1, Temu bual, 24 Oktober 2022).

e) Keselamatan Pelancongan Di Tasik Kenyir

Menurut Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu melalui kenyataan akhbar Harian Metro bertarikh 17 Oktober 2021, orang ramai dan pengunjung haruslah sentiasa berwaspada dan mengambil berat langkah keselamatan dan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) aspek keselamatan terutamanya ketika melakukan aktiviti air sama ada di pantai, tasik dan air terjun.

Kawasan berair merupakan kawasan yang sangat berisiko tinggi untuk berlakunya kemalangan yang meragut nyawa. Hal ini dikatakan demikian kerana insiden yang berlaku di kawasan air terutamanya di tasik tidak sama dan berbeza keadaanya berbanding di darat. Ini adalah kerana proses menyelamatkan di kawasan berair biasanya memakan masa sehingga beberapa hari.

Menurut Yousaf et al (2018) pelancong akan memilih destinasi pelancongan yang menawarkan jaminan keselamatan yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pengunjung ingin memastikan tahap keselamatan di sesebuah kawasan berada di tahap terbaik agar merasa lebih selamat untuk menginap di destinasi pelancongan tersebut.

Tahap keselamatan yang terdapat di Tasik Kenyir ini berada dalam tahap yang terbaik dan terjamin bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diingini berlaku. Hal ini kerana setiap krew *houseboat* telah didedahkan dengan kursus keselamatan yang telah disediakan oleh KETENGAH. Contohnya setiap pengunjung yang ingin membuat aktiviti di kawasan berair di Tasik Kenyir haruslah sentiasa memakai jaket keselamatan yang telah disediakan bagi mengelakkan perkara tidak diinginkan terjadi. Hal ini turut diakui oleh Responden 6 di mana,

...sebab ada safety-safety yang kami belajar dan crew houseboat semua telah memasuki kursus keselamatan yang telah disediakan KETENGAH (Responden 6, Temu bual, 4 November 2022).

Selain itu, pemantauan secara berkala oleh pihak berwajib seperti Polis Maritim dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah sedikit sebanyak menyokong tahap keselamatan di Tasik Kenyir, secara tidak langsung memberi kepercayaan kepada pengunjung untuk melancong ke sini. Menurut Responden 7,

... aktiviti aktiviti kita memang dilengkapi dengan jaket keselamatan dan juga biasanya di Tasik Kenyir ni memang ada Polis Maritim dan APM hok kawal. (Responden 7, Temu bual, 7 November 2022).

Oleh itu, kawalan keselamatan di Tasik Kenyir berada di tahap yang terbaik. Justeru itu pengunjung tidak perlulah risau dah kkuatir terhadap risiko keselamatan ketika berkunjung ke Tasik Kenyir. Hal ini kerana pengurusan Tasik Kenyir telah memenuhi syarat keselamatan yang digariskan oleh pihak berwajib.

4.3 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Menangani Kesan Pandemik Di Tasik Kenyir

Terdapat beberapa peranan yang telah dilakukan oleh pihak berkepentingan semasa pandemik terjadi. Menurut daripada hasil temu bual beberapa responden, pengkaji telah mengenal pasti beberapa peranan yang telah dilakukan oleh pihak berkepentingan, antara peranan pihak berkepentingan adalah mengurus Tasik Kenyir sewaktu pasca pandemik dan usaha yang dilakukan untuk membantu pengusaha yang terjejas.

4.3.1 Peranan Pihak Berkepentingan Mengurus Tasik Kenyir Sewaktu Pasca Pandemik

Pihak berkepentingan telah memainkan peranan penting dalam mengurus Tasik Kenyir sewaktu pasca pandemik termasuklah mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi mengelakkan penularan wabak penyakit berjangkit Covid-19. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui pematuhan SOP sekurang-kurangnya mampu mencegah dan mengurangkan kadar jangkitan berlaku. Kesemua responden bersetuju bahawa pelancong yang mengunjungi Tasik Kenyir telah mematuhi SOP yang disediakan. Antaranya, Responden 1 menyatakan bahawa, “...*Ya para pengunjung wajib mematahi SOP kerana ianya sentiasa dipantau oleh agensi yang bertugas bagi mengelakkan penularan waba*” (Responden 1, Temu bual, 24 Oktober 2022). Hal ini turut dipersetujui oleh Responden 2 dengan menyatakan,

Setakat haritu patuh lah sebab ambe (saya) sendiri hok (yang) suruh deme (mereka) pakai mask, main musim nyakit ni takot juga ambe. Amb(saya) juga ada menyemak my sejahtera dem(mereka) dulu sebelum naik, check hok(yang) mana patut dulu (Responden 2, Temu bual, 26 Oktober 2022)

Responden 3 dan 4 turut menyatakan bahawa pelancong perlu mematuhi arahan yang ditetapkan iaitu wajib memakai pelitup muka dan KETENGAH juga telah menetapkan satu arahan semasa pandemik berlaku iaitu dengan menghadkan kemasukan pelancong ke Tasik Kenyir. Menurut Responden 8 dan 5 pula adalah:

Ya sema kena patuhi laa, kena pakai mask hok paling wajib. (Responden 8, Temu bual, 4 November 2022).

“...dari segi agensi-agensi tersebut menghadkan kemasukan pelancong pada kawasan ini pada musim pandemik ini. (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Berdasarkan pernyataan keempat-empat orang responden di atas, jelaslah bahawa pengunjung yang tiba di Tasik Kenyir telah mematuhi SOP yang telah ditetapkan kerana sebarang aktiviti yang dilaksanakan sentiasa dipantau oleh agensi-agensi yang bertugas sewaktu pandemik. Hal ini sedikit sebanyak mendidik para pengunjung untuk sentiasa mematuhi arahan yang diberikan agar dapat mengelakkan diri daripada diambil tindakan ataupun disaman kerana melanggar peraturan yang ditetapkan. Selain itu, para pengusaha atau peniaga sendiri telah mewajibkan para pelanggan yang menggunakan perkhidmatan mereka supaya sentiasa memakai pelitup muka agar dapat mengurangkan penularan wabak. Pengusaha *houseboat* juga melakukan semakan ke atas aplikasi My Sejahtera milik para pengunjung sebelum menaiki *houseboat*. Hal ini bertujuan bagi memastikan tahap kesihatan pengunjung berada dalam keadaan baik dan tiada penyakit berbahahya bagi mengelakkan risiko jangkitan kepada pengunjung lain.

Seterusnya, KETENGAH juga telah membuat tindakan yang sepatutnya dengan menghadkan bilangan kemasukan pengunjung. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang ketidak seimbangan di antara pengunjung dan staf yang bertugas dalam mengawal keadaan semasa pandemik berlaku. Oleh itu, pelancong yang tiba di Tasik Kenyir perlulah sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan agar tahap kesihatan dan keselamatan ketika melancong berada dalam keadaan selamat.

4.3.2 Usaha yang dilakukan Bagi Pihak Berkepentingan Membantu Pengusaha yang Terjejas

Pihak berkepentingan merupakan antara pihak yang bertanggungjawab membantu pengusaha atau mangsa yang terjejas akibat pandemik. Terdapat tiga pihak yang bertanggungjawab dalam membantu pengusaha yang terjejas akibat pandemik Covid-19 seperti Exco pelancongan, KETENGAH dan juga Ketua Kampung.

Exco Pelancongan negeri Terengganu merupakan badan utama yang memastikan aktiviti pelancongan di Terengganu sentiasa berada di antara yang terbaik dan berkualiti tinggi. Oleh itu, Exco Pelancongan negeri Terengganu telah memainkan peranan penting dalam membantu mangsa atau pengusaha-pengusaha yang terjejas akibat pandemik yang melanda. Menurut Responden 5,

Untuk peranan pihak berkepentingan melalui kerajaan negeri dibawah EXCO pelancongan ada menyediakan bantuan atau geran kepada mereka yang terjejas kepada-kedapa pengusaha houseboat cthnya khususnya pengusaha houseboat laa dimana mata pencaharian mereka bergantung kepada hasil houseboat semata-mata” (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Berdasarkan pernyataan Responden 5, Exco pelancongan telah menyediakan bantuan atau geran percuma kepada pengusaha-pengusaha *houseboat* yang terjejas. Hal ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan kos perbelanjaan untuk memperbaharui geran. Usaha murni Exco Pelancongan negeri Terengganu ini sedikit sebanyak dapat membantu pengusaha *houseboat* menampung perbelanjaan seharian.

Selain itu, menurut Responden 1 yang merupakan seorang pekerja KETENGAH menyatakan bahawa KETENGAH juga memainkan peranan penting dalam membantu mangsa-mangsa yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Pihak KETENGAH telah membuat bancian dari rumah ke rumah bagi mengumpul data penduduk atau mangsa pandemik yang terjejas. Cara berkomunikasi yang jelas dan mudah difahami digunakan dalam skop kerja pengurusan pandemik ini supaya dapat mengelakkan berlakunya keciciran dan kelewatan penghantaran bantuan kepada mangsa pandemik yang terjejas. Pernyataan ini disokong oleh Responden 1 dengan menyatakan,

Peranan pihak berkepentingan adalah dengan menyediakan data penduduk dan mangsa pandemik serta komunikasi jelas diperlukan dalam pengurusan pandemik bagi mengelakkan berlakunya keciciran dan kelewatan penghantaran bantuan. Menyediakan SOP yang jelas termasuk mengadakan perbincangan wakil masyarakat. (Responden 1, Temu bual, 24 Oktober 2022).

Akhir sekali peranan yang dimainkan oleh ketua kampung dalam membantu mangsa atau penduduk yang terjejas akibat pandemik. Sebagai seorang ketua kampung yang amanah dan bertanggung jawab perlulah peka dengan keadaan sekeliling terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan yang memerlukan bantuan atau masalah. Menurut Responden 5,

Semasa pandemik melanda daripada kerajaan negeri dan pemimpin-pemimpin setempat mereka menghantar bantuan makanan dan keperluan harian kepada pengusaha-pengusaha ini seperti bakul-bakul makanan dan pihak berwajib ada menyediakan dari segi kewangan kepada mereka yang memerlukan seperti membeli susu anak, pampers

dan pelbagai lagi bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri khususnya. (Responden 5, Temu bual, 23 Oktober 2022).

Berdasarkan pernyataan Responden 5, semasa pandemik melanda kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pemimpin tempatan dalam membantu mangsa yang terjejas. Pelbagai jenis bantuan dihulur agar dapat meringankan beban yang dipikul oleh pengusaha pelancongan. Contohnya ketua kampung telah menyediakan bantuan dari segi makanan dan keperluan harian. Selain itu, ketua kampung juga ada menyediakan bantuan berbentuk kewangan dan diberikan kepada yang memerlukan untuk membeli barangan keperluan lain seperti pampers, susu anak dan lain-lain lagi. Oleh itu, bantuan yang disalurkan ini sudah mampu melegakan hati para pengusaha bagi meneruskan kelangsungan hidup semasa pandemik.

4.4 Langkah yang Relevan dalam Memajukan Tasik Kenyir

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa langkah yang relevan dalam memajukan Tasik Kenyir. Antara langkah-langkah yang relevan dalam memajukan Tasik Kenyir adalah dengan mengadakan pelbagai program yang menarik di Tasik Kenyir. Sebagai contoh mengadakan karnival jualan atau program seperti pertandingan memancing, aktiviti kemasyarakatan, aktiviti pelancongan desa, karnival jualan makanan Terengganu dan lain-lain lagi. Hal ini bukan sahaja dapat mempromosikan Tasik Kenyir malahan mempromosikan keunikan budaya yang terdapat di Terengganu kepada pengunjung luar Terengganu. Oleh itu, pihak berkepentingan haruslah sentiasa komited dan proaktif dalam usaha meningkatkan jumlah kedatangan pelancong.

Selain itu, terdapat beberapa responden menyatakan bahawa pihak berkepentingan perlu membuat menambah baik infrastruktur yang terdapat di Tasik kenyir. Hal ini kerana pihak berkepentingan haruslah memastikan prasarana dan

infrastruktur awam dijaga dalam tahap terbaik. Keadaan ini memerlukan penyelenggaraan secara berkala kerana semua pengunjung pasti menggunakan kemudahan awam yang disediakan. Sebagai contoh meningkatkan kemudahan jalan bertar, membaik pulih hotel dan resort, memperbanyakkan lagi gerai jualan dan sebagainya. Terdapat juga responden menyatakan bahawa dengan menambah lagi kemudahan awam seperti resort dan chalet dapat membantu dalam memajukan Tasik Kenyir. Hal ini kerana berlaku kekurangan tempat penginapan sehingga menyukarkan para pengunjung menyewanya terutama ketika waktu puncak. Perkara ini menyebabkan berlakunya keluk permintaan melebihi penawaran yang ditawarkan.

Akhir sekali, kebanyakan responden juga mencadangkan untuk mempromosikan Tasik Kenyir menggunakan media massa. Hal ini kerana masih terdapat masyarakat yang belum mengetahui dengan lebih mendalam dan ada juga segelintir masyarakat yang hanya mengenali Tasik Kenyir dari segi nama sahaja dan belum pernah menjejakkan kaki lagi sepanjang hidup. Oleh itu, pihak berkepentingan dan pengusaha *houseboat* boleh menggunakan platform yang terkini terutamanya *tiktok*. Hal ini kerana aplikasi *tiktok* semakin popular digunakan secara meluas pada masa kini dalam kalangan rakyat Malaysia. Pihak berkepentingan boleh membuat promosi seperti menunjukkan lokasi yang boleh dilawati, menunjukkan suasana sekeliling kawasan Tasik Kenyir dan lain lain lagi. Manakala pengusaha *houseboat* juga boleh mengiklankan pakej dan aktiviti yang ditawarkan dalam bentuk video yang menarik untuk menggalakan lebih ramai pelancong dari dalam atau luar negara mengenai perkhidmatan yang disediakan. Usaha yang dilakukan menjadikan orang ramai lebih berminat untuk ke Tasik Kenyir pada masa akan datang.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab 4 membincangkan mengenai dapatan kajian dan perbincangan setelah melaksanakan kajian lapangan oleh pengkaji. Pengkaji berjaya mendapatkan seramai 10 orang responden semasa melakukan kajian ini. Hasil temu bual yang dijalankan pengkaji berasa berpuas hati kerana mendapati kesemua responden memberi jawapan yang jelas dan tepat berkaitan dengan kajian yang dijalan

BAB 5

RUMUSAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir yang terdapat dalam kajian ini. Bab ini merumuskan secara keseluruhan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu mengenai kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, Terengganu. Oleh itu, bab ini merangkumi tiga bahagian pertama rumusan hasil daripada laporan kajian. Seterusnya, bab ini menghuraikan mengenai dapatan kajian iaitu kesan pasca pandemik Covid-19 terhadap aktiviti pelancongan. Akhir sekali, bab ini menerangkan mengenai cadangan kajian iaitu cadangan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak bertanggungjawab bagi mengekalkan Tasik Kenyir sebagai pusat pelancongan yang patut dilawati pada masa akan datang.

5.1 Rumusan

Bab Satu kajian ini tertumpu kepada pengenalan awal kajian seperti latar belakang, lokasi kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Pada bab ini menerangkan mengenai latar belakang Tasik Kenyir yang merupakan tasik buatan terbesar yang terdapat di Malaysia. Permasalahan kajian pula adalah pandemik covid memberi impak terhadap aktiviti pelancongan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mencari jawapan tiga objektif utama kajian ini iaitu objektif pertama mengenalpasti aktiviti-aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir, objektif kedua pula mengkaji kesan pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir dan objektif ketiga adalah menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik di Tasik Kenyir.

Selain itu, bab dua membincangkan tentang sorotan kajian lepas. Pada bab ini membincangkan sorotan kajian lepas secara lebih terperinci mengenai definisi pelancongan, persepsi risiko pandemik terhadap pelancongan dan kesan wabak penyakit. Pengkaji juga memfokuskan sorotan kajian lepas mengenai kesan pandemik Covid-19 kepada masyarakat. Hal ini kerana pandemik ini telah memberikan perubahan cara hidup masyarakat. Selain itu, pengkaji juga memilih teori persepsi kerana berkait dengan kajian yang menentukan pandangan individu berkaitan terhadap persekitaran. Justeru itu, sorotan kajian yang digunakan ini mampu dijadikan sebagai panduan ketika melaksanakan kajian.

Seterusnya bab tiga iaitu bahagian metodologi. Bab ini pengkaji lebih memfokuskan kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan dan menganalisis data maklumat. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini melibatkan sesi temu bual bersama beberapa orang responden. Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah keperpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Pengkaji juga menggunakan kaedah persampelan bukan keberangskalian dan menggunakan teknik bola salji. Bagi menganalisis data pula pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mencapai matlamat kajian.

Akhir sekali, bab empat dalam kajian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dari kaedah temu bual yang telah dijalankan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian. Hasil daripada ketiga-tiga objektif ini mampu menghasilkan pelbagai tema dan dapatan yang boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji dalam menyiapkan tugas kajian yang dijalankan.

5.2 Dapatan Utama

Dapatan utama kajian ini adalah mengenai kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang menjadi keperluan utama untuk dimajukan supaya dapat menambah pendapatan penduduk sekitar dan ekonomi negeri Terengganu. Kajian ini mendapati bahawa kesan pasca pandemik telah banyak menjejaskan pengoperasian aktiviti pelancongan terpaksa dihentikan. Hal ini telah menjejaskan pendapatan kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga yang berada di Tasik Kenyir kerana kurang mendapat sambutan pengunjung disebabkan oleh sekatan perjalanan. Namun begitu, terdapat beberapa insentif yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan seperti KETENGAH, Exco pelancongan dan sebagainya dalam membantu pengusaha dan memajukan lagi sektor pelancongan utama negeri Terengganu.

Selain itu, hasil daripada kajian juga mendapati bahawa hampir semua responden bersetuju supaya pihak berkepentingan perlu menambah baik infrastruktur yang terdapat di Tasik Kenyir. Hal ini supaya dapat memberi tahap keselesaan yang terbaik buat para pengunjung yang datang ke Tasik Kenyir ini.

Secara ringkasnya, pandemik Covid-19 ini bukan sahaja mengajar masyarakat untuk hidup di dalam norma baharu malahan memberi kesan terhadap ekonomi negara yang telah menjejaskan semua sektor yang terlibat. Sektor pelancongan juga tidak terkecuali mengalami kemerosotan akibat daripada pandemik ini.

5.2 Cadangan Kajian

Tasik kenyir merupakan kawasan pelancongan yang menarik di kunjungi yang terdapat di negeri Terengganu. Jadi ia wajarlah dijaga dan membuat penambahbaikan infrastruktur supaya Tasik Kenyir terus menjadi salah satu destinasi pilihan pelancongan buat para pelancong pada masa akan datang. Selain itu, KETENGAH juga

perlu merancang bagaimana untuk mengekalkan keindahan flora dan fauna yang terdapat di Tasik Kenyir. Hal ini kerana pengunjung yang datang ke sini ingin menikmati suasana alam yang tenang dan cantik ini, jika ia tidak dijaga dengan baik maka akan menyebabkan berlakunya penurunan bilangan kemasukan pelancong pada masa akan datang. Sebagai contoh KETENGAH boleh bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan negeri Terengganu (JPNT) untuk membuat penanam semula tumbuhan yang telah pupus dan ditebang agar boleh menyelamatkan atau mengekalkan lagi keindahan Tasik Kenyir. Seterusnya, pengusaha houseboat perlu membuat renovasi houseboat yang mengikut peredaran masa bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan. Hal ini kerana houseboat merupakan salah satu tarikan utama pilihan pengunjung kerana merupakan satu tarikan yang sangat unik dan berbeza berbanding perkhidmatan pelancongan yang lain. Oleh itu pihak berwajib seperti KETENGAH haruslah membuat perancangan strategik dalam mempromosikan Tasik Kenyir ini pada masa akan datang.

Secara kesimpulan, diharapkan kajian ini dapat memberikan ilmu dan manfaat kepada generasi yang akan datang khususnya bagi mereka yang ingin membuat rujukan berkaitan dengan Tasik Kenyir. Selain itu, melalui kajian ini mampu menambahkan lagi pengetahuan para pembaca mengenai kesan pasca pandemik terhadap aktiviti pelancongan yang menyebabkan berlakunya perubahan secara drastik terhadap kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat. Akhir sekali, melalui kan ini juga pengkaji berharap kajian ini mampu membuka mata pihak berkepentingan seperti KETENGAH supaya terus menitikberatkan setiap kemudahan pelancongan yang terdapat di Tasik Kenyir seperti penambahbaikan tandas, jalan bertar dan sebagainya.

RUJUKAN

- Ariffin Deraman (2021). *Kerajaan perkemas strategi hiduapkan kembali pelancongan Terengganu. Portal Rasmi Kerajaan Terengganu.*
- Alzaharin Alias. (2020) *Covid-19: Lebih 190,000 Usahawan Wanita Terjejas. Berita Harian.* <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/673623/covid-19-lebih-190000-usahawan-wanita-terjejas>
- Burkat, M. (1974). *Sejarah Perkembangan Pelancongan di Malaysia.*
- Badaruddin. (2005). *Perkembangan Sektor Pelancongan di Malaysia.* http://studentsrepo.um.edu.my/5088/3/Bab_2_Full_Thesis.pdf.
- Ceballos, L. (1996). *Pembangunan Ekopelancongan di Cameron Highlands.*
- Creswell, John W & Creswell, J. David (2018) *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*
- Dube dan Kathende. (2020) *Kesan Norma Baharu Terhadap Pengguna dari Aspek Sosial.* <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/702?cv=1>
- Fatan Hamamah. (2020) *Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya Terhadap Manusia di Malaysia.*
- Goeldner, S. (2006). *Isu keselamatan dalam industri pelancongan: satu tinjauan konsep.*
- Gossling et al. (2020) *Kesan Persepsi Risiko dan Motivasi Melancong Terhadap Gelagat Pelancong Tempatan Semasa Pandemik Covid-19.*
- Hazwan Faisal Mohammad. (2020). *Banyak perniagaan gulung tikar jika laksana semula PKP. Berita Harian.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/713946/banyak-perniagaan-gulung-tikar-jika-laksana-semula-pkp>

- Hausman (2011). *Pelancongan dan Pembangunan Setempat di Malaysia: Satu Analisis Swot di Royal Belum sebagai produk Ekopelancongan*.
<https://core.ac.uk/download/pdf/77967048.pdf>
- Hidayah Mohammad. (2019). *Tasik dikelilingi hutan tropika tarikan Tasik Kenyir*. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2019/05/560372/tasik-dikelilingi-hutan-tropika-tampil-keunikan-kenyir>
- Hussin (2008) *Penyertaan Komuniti dalam Program Pemuliharaan Pelancongan Pasca Bencana di Kampung Mesilau Kundasang, Sabah*.
- Ishak, M. (2020) *Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Strategi Pemulihan Sektor Pelancongan Pasca Pandemik Covid-19 di Malaysia*.
- Junhairy Alyasa. (2020). *Covid 19: Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula pada 18 Mac*. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/74100/KHAS/Covid-19/Covid-19-Perintah-Kawalan-Pergerakan-di-seluruh-negara-bermula-18-Mac>
- Mason. G (2003). *Pelancongan Rekreasi Berasaskan Cabaran dan Biodiversiti*.
- Noor Atiqah Sulaiman. (2021). *Hasil pelancongan tahun lalu susut 71.2 peratus akibat pandemik*. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867816/hasil-pelancongan-tahun-lalu-susut-712-peratus-akibat-pandemik>
- Normawati Adnan (2020) *Banjaran Hotsprings sahkan kejadian tanah runtuh*. *Sinar Harian*. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=130196>
- Noor Rabiatal Adawiyah (2018) *Teori Fungsionalisme*
<https://easytolearnadress.blogspot.com/2018/12/teori-fungsionalisme.html>
- Persatuan Nasional Malaysia Berhad (2021) *Wabak Covid-19 Meragut Nyawa: Cabaran dan Kesan Kepada Masyarakat*.

Rahman H (2013). *Apa itu Industri Pelancongan*.

<http://sufianblogindustriplancongan.blogspot.com/2016/07/apa-itu-industri-pelancongan.html?m=1>

Rosli Zakaria. (2018). *Pembangunan Tasik Kenyir lonjak sektor pelancongan*. *Berita Harian*.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/407385/pembangunan-tasik-kenyir-lonjak-sektor-pelancongan>

Salina Jalil. (2021). PKP 3.0, Pengusaha Rumah Bot Tasik Kenyir harap dapat kebenaran untuk beroperasi. <https://careta.my/article/pkp-30-pengusaha-rumah-bot-tasik-kenyir-harap-dapat-kebenaran-beroperasi>

Sharan B. Merriam & Elizabeth J. Tisdell (2015) *Fourth Edition: Qualitative Research: a guided to design and Implementation*

Tajuddin, et al. (2019). Ciri-ciri dan perkhidmatan Rumah Bot sebagai tarikan pelancong di Tasik Kenyir.

Virginia Braun & Victoria Clarke. (2006) *Using Thematic Analysis in Psyschology, Qualitative Research in Psychology, 3:2, 77-101*.

<http://dx.doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>

Wan Hazmir Bakar (1999) *Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesan Terhadap Manusia*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN